



NEGERI TERENGGANU

**PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEMBILAN
PENGGAL PERSIDANGAN
YANG KEEMPAT**

Mesyuarat Kali Yang Kedua

Pada
29 September 1998
Bersamaan
8 Jamadilakhir 1419

Dikeluarkan oleh:
**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

*SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU*

**MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEMBILAN**

**PADA 29 SEPTEMBER 1998
BERSAMAAN 8 JAMADILAKHIR 1419**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
WISMA DARUL IMAN
KUALA TERENGGANU**

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli	[Muka 1]
2.	Doa	[Muka 5]
3.	Ucapan Yang Dipertua	[Muka 5]
4.	Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan	[Muka 6]
5.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis: Soalan-soalan Bertulis Soalan-soalan Lisan	[Muka 8] [Muka 9]
6.	Usul Menurut Fasal 30(1) Peraturan Dewan	[Muka 27]
7.	Usul-usul Yang Telah Diberi Notis: 1. <i>Menyembah Ucapan Tahniah dan Ikrar Taat Setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku</i> 2. <i>Persembahan Elaiin Menurut Fasal 33(4)(Bab Yang Kedua) Undang-Undang Bagi Kerajaan Terengganu</i> 3. <i>Tambahan Peruntukan Yang Pertama 1998 Kumpulan Bekalan Air</i>	[Muka 35] [Muka 45] [Muka 47]
8.	Rang Undang-Undang: 1. <i>Enakmen Bekalan Air 1998</i> 2. <i>Enakmen Bekalan Air (Syarikat Pengganti) 1998</i> 3. <i>Enakmen Perbekalan Tambahan (1998)(No. 1) 1998</i> 4. <i>Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindatan) 1998</i>	[Muka 48] [Muka 51] [Muka 54] [Muka 61]
9.	TANGGUHAN	[Muka 63]

29 September 1998

**DEWAN UNDANGAN NEGERI MULA BERSIDANG PADA PUKUL 9.30
PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,
DPMT.,ASM.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Amar Di Raja (Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad),
SSMT.,PSM.,SPMT.,DA.,DPMJ.,KMN.,JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,

SPMT.,DSMT.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Mohd Noor,

SPMT.,DSSA.,JMN.,PPT.,KMN.

WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,

DSMT.,DPMT.,KMN.,PJK.

WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mulia Engku Bijaya Sura (Dato' Syed Omar bin Muhamad),

DSMT.,DPMT.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Haji Aziz @ Ibrahim bin Awang,

DPMT.,AMN.,PJK.

WAKIL SURA

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,

WAKIL THELEMONG

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang,

DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYUNG

29 September 1998

Yang Berhormat Encik Othman bin Daud, PJC,
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,PPN.,
WAKIL KUALA BE-SUT

Yang Berhormat Dato' Haji Muda bin Mamat,
DPMT.,PJK.,PPN.,
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Harun bin Hassan,
AMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad (o) Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Awang bin Abadul Jabar,
ASM.,SMT.,AMN.,PJK.,
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat, PJK.
WAKIL JERTHI

Yang Berhormat Haji Roslan bin Awang Chik, KMN.,PJK.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafee,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Abu Bakar,
WAKIL BUKIT TUNGGAL.

Yang Berhormat Haji Shafie bin Daud, PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Encik Lukman bin Muda, PJK.
WAKIL JABL

Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof, PJK.
WAKIL KUALA BE-RANG

29 September 1998

Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abdul Kadir,
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut,
WAKIL WAKAI MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah,
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali,
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat,
WAKIL TELUK PASU

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Encik Wong Foon Meng - Dengan maaf
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Abdul Hadir bin Haji Awang - Dengan Maaf
WAKIL RHU RENDANG

29 September 1998

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Hajji Baharuddin bin Ismail,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASHIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ab. Karim bin Abd. Rahman

YANG BERHORMAT PI-GAWAI KERWANGAN NEGERI
Dato' Senara Muda (Dato' Hajji Mazlan (o Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

SUTIASUAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.

29 September 1998

D O A

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPEI TUA DEWAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad,
Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah
sekalian.

Bersyukur kehadrat Allah s.w.t. yang mana dengan taufik dan inayahNya maka dapat diadakan
sidang Dewan pada hari ini dan mendoakan semoga mesyuarat dapat berjalan dengan baik dan
segala agenda yang diatur dapat diselesaikan dengan sempurna.

Sukacita saya maklumkan, Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang telah mengangkat permohonan
atas tidak dapat hadirnya mesyuarat Dewan pada hari ini kerana secara kebetulan pada hari yang
sama Dewan Rakyat juga bersidang dan permohonan itu diberi kelulusan. Dimaklumkan juga
bahawa Yang Berhormat Wakil Bandar, Yang Berhormat Encik Wong juga tidak dapat hadir dan
telah memaklumkan kepada Yang Dipertua Dewan kerana kematian ayahandanya. Dan
permohonan beliau itu juga dipersetujui.

Sekian, terima kasih dan Selamat Bersidang.

29 September 1998

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Peruntukan Tambahan Anggaran Bekalan Tahun 1998.
(D.U.N. Bil. 7/98)
2. Anggaran Bekalan Air (Tambahan)(No. 1) 1998
Perbelanjaan 1998.
(D.U.N. Bil. 8/98)
3. Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Terengganu
Tahun 1996.
(D.U.N. Bil. 9/98)
4. Penyata Kewangan Negeri Terengganu Bagi Tahun 1996.
(D.U.N. Bil. 10/98)
5. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Muzium Negeri
Bagi Tahun 1996.
(D.U.N. Bil. 11/98)
6. Surat Akuan dan Pandangan Ketua Audit Negara Mengenai
Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Tahun
1996.
(D.U.N. Bil. 12/98)
7. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan MPKT Bagi Tahun
1995.
(D.U.N. Bil. 13/98)
8. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan MPKT Bagi Tahun
1996.
(D.U.N. Bil. 14/98)

29 September 1998

9. Penyata Kira-kira Tahunan Majlis Daerah Dungun Bagi Tahun 1996.

(D.U.N. Bil. 15/98)

10. Penyata Kira-kira Tahunan Majlis Daerah Besut Bagi Tahun 1996.

(D.U.N. Bil. 16/98)

11. Penyata Kira-kira Tahunan Majlis Daerah Marang Bagi Tahun 1996.

(D.U.N. Bil. 17/98)

29 September 1998

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Haji Idris bin Mamat
(Wakil Jertih)
2. Y.B. Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
(Wakil Batu Buruk)
3. Y.B. Haji Mohamad bin Abu Bakar
(Wakil Bukit Tunggal)
4. Y.B. Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Wakil Rhu Rendang)
5. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
6. Y.B. Haji Abu Bakar bin Abdullah
(Wakil Tepeh)
7. Y.B. Encik Yahaya bin Ali
(Wakil Alur Limbat)
8. Y.B. Haji Ismail bin Mamat
(Wakil Teluk Pasu)

29 September 1998

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan, pertama Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat, Wakil Jertih bagi mengemukakan soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

Harga sayur-sayuran jatuh merudum. Apakah usaha Kerajaan Negeri menstabilkan harga sayur-sayuran serentak meninggikan lagi pendapatan petani.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Pada menjawab Ahli Yang Berhormat ini, suka saya menyatakan iaitu pertama sekali keadaan turun naik harga sayur-sayuran di negara ini adalah merupakan satu fenomena setiap tahun. Begitulah jugak di negeri ini terdapat fenomena yang disebutkan iaitu yang telah berlaku barubaru ini pada bulan Julai dan bulan Ogos. Walau macam manapun pada masa ini harga sayur-sayuran setengah daripadanya sudahpun menunjukkan kenaikan harga dan petani-petani telah mendapat pendapatan yang lebih baik dan hasil yang lebih baik.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan kejatuhan harga. Pertama sekali pengeluaran bertambah, keduanya faktor permintaan dan yang ketiganya faktor pemasaran. Pada masa dahulu sayur-sayur daripada Terengganu dihantar keluar daripada Negeri Terengganu ke Kuala Lumpur tetapi oleh kerana di Kuala Lumpur dan di negeri-negeri lain seluruh negara jugak mengeluarkan lebih banyak sayur maka sayur-sayur daripada Negeri Terengganu kurang dapat dijual di pasaran-pasaran utama di negara ini. Yang keduanya, terdapat setengah-setengah rakyat yang telah menanam sendiri sayur-sayuran oleh kerana itu mereka kurang membeli sayur-sayuran.

Untuk menstabilkan harga pada masa akan datang Jabatan Pertanian menganjurkan supaya petani-petani bertanam secara berjadual iaitu secara yang terencana dan tidaklah secara *adhoc*. Yang keduanya, menggalakkan petani-petani menanam setengah-setengah jenis tanaman sayur-sayuran yang tidak terjejas dengan kejatuhan harga. Yang ketiganya, petani-petani digalakkan mengambil langkah jual terus supaya mendapat harga yang lebih baik dan tidak melalui pemborong atau orang tengah. Yang keempat, jabatan seperti Pertanian dan FAMA juga mengadakan pasaran terus dan membantu petani untuk menjual hasil-hasil tanaman, hasil-hasil sayuran mereka.

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah sebenarnya yang menyebabkan harga sayur-sayur ni di negeri kita ni turun? Kerana hakikat yang sebenarnya kalau kita merujuk kepada lada Cina umpamanya di kawasan di Jerangan, di Pasir Raja dan di mana-mana, rata-rata dalam dua tiga ni dalam RM1.50, RM1.30, RM1.80 satu kilo. Tapi di pasar-pasar borong, di pasar-pasar besar harganya menjangkau antara RM8 hingga RM15.00. Jadi, apa yang sebenarnya yang menyebabkan perkara ini berlaku?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAI GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, secara makro, secara keseluruhan saya telah menerangkan faktor-faktor iaitu faktor *supply, demand*, pasaran dan sebagainya. Tapi bagi setengah-setengah tempat ini jugak kita ketahui bahawa bukan saja sayur-sayuran tetapi jugak buah-buahan dan juga ikan, kalau pengeluar-pengeluar menjual kepada pemberong-pemberong atau orang tengah memang harga yang dibeli oleh pemberong itu adalah sangat rendah. Misal kata buah rambutan sekarang ini dibeli di kampung dengan harga 40 sen, 50 sen satu kilo daripada petani-petani tetapi dijual oleh pemberong dengan harga yang lebih tinggi dan peruncit menjual pada harga RM4.00, RM3.30. Inilah keadaan yang mencerangkan perkara yang disebut oleh Yang Berhormat itu, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Dato' Yang Dipertua, soalan kedua -

Dana Kecemerlangan Pendidikan (DAKAP) telahpun dilancarkan. Berapakah jumlah sumbangan ibu bapa yang telah diperolehi hingga kini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAII (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah sumbangan Dana Kecemerlangan Pendidikan atau DAKAP sehingga 20 Ogos 1998 ialah RM113,997.72. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Mengikut bilangan orang yang membayar itu dari segi peratusnya, berapa peratus daripada jumlah semua ibu bapak pelajar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAII (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, agak payah hendak kita tentukan peratus kerana pertama-pertamanya dana yang telah dimulakan idea dari tahun 1995, ketika kita atau JPN, Jabatan Pendidikan Negeri mengadakan Ops Bangkit Serentak Membangun Pendidikan Negeri Terengganu 1995, akhir-akhir ini saja baru kita mula memungutnya, yang pertama. Yang kedua, jumlah pelajar-pelajar Negeri Terengganu sekarang di sekolah rendah 149,000 di sekolah mencengah 88,000. Irtinya kalau dicampur semua sekali adalah lebih kurang 230,000 jadi kalau dikali dengan RM36.00, kalau semuanya telah membayar tentulah jumlah RM113,997.72 itu merupakan satu peratus yang terlalu kecil, Dato' Yang Dipertua. Minta maaf saya tidak memberikan secara tepat peratusnya, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan, Yang Dipertua - Apakah Dana Kecemerlangan Pelajar ini membebankan ibu bapa pelajar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada sungutan sebelum ini mengatakan bahawa bayaran itu, bayaran sebanyak RM36.00 selama pelajar itu mengaji. Ini kalau kita kira 6 tahun di sekolah rendah campur 5 tahun lazimnya di sekolah menengah - il tahun, merupakan satu bayaran yang membebankan. Tetapi kalau kita perhatikan baik-baik kalau dibayar tiap-tiap tahun lebih kurang RM3.00 lebih saja, Dato' Yang Dipertua. Jadi, kita boleh faham sebenarnya tidak membebankan, tinggal lagi ada kekeliruan dan tidak cukup penerangan yang diberikan kepada ibu bapak, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Dato' Yang Dipertua, soalan ketiga -

Madu penuh berkhasiat. Apakah usaha yang telah, kini dan akan dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi bukan saja jumlah penternak lebah, malah mutu pengeluaran dan pemasaran madu lebah tempatan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian senantiasa memberi sokongan kepada penternak-penternak lebah madu tempatan mengusahakan ternakan ini secara komersil. Pada tahun 1997 terdapat 24 pengusaha, penternak dengan bilangan koloni 359 dengan pengeluaran sebanyak 1,282 liter dan nilai kira-kira RM40,000.00. Jadi, perusahaan ini tidaklah merupakan satu perusahaan yang besar sangat meliputi pengusaha-pengusaha daripada seluruh Negeri Terengganu mengikut daerah-daerah dengan majoriti pengusaha-pengusaha didapati di daerah Kemaman dan jugak Besut.

Dato' Yang Dipertua, jabatan membantu mereka ini dengan memperkenalkan kaedah-kaedah, melalui kursus-kursus dan latihan kepada mereka-mereka yang berminat dan pengusaha-pengusaha. Mereka juga diberikan kemudahan galakan seperti kayu dan bahan-bahan membuat buat haif, koloni lebah dan sebagainya. Pengurusan haif menggastrakt madu, pollen sehinggalah membina ratu senantiasa diberikan tujuk ajar oleh pegawai-pegawai jabatan kepada pengusaha-pengusaha.

Jadi, itu saja Dato' Yang Dipertua, sedikit penjelasan saya terhadap soalan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof, Wakil Kuala Berang.

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

Setakat ini sejauh manakah cadangan kerajaan untuk membina jalanraya Kuala Terengganu/Kuala Berang dijadikan jalan sehatas dua lorong?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, projek ini adalah projek Persekutuan dan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Ianya dibahagikan kepada 4 Fasa, dimana Fasa 2A di kilometer 4 sehingga ke kilometer 10 telah siap direkabentuk dan proses perkiraan tawaran kontraktor telahpun dibuat. Kos projek ini dijangka RM70 juta. Ianya juga melibatkan fasa-fasa lain iaitu Fasa 2B, 3 dan 4 dimana fasa-fasa ini di peringkat rekabentuk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua -

Setakat ini sejauh manakah tindakan/perjalanan atas cadangan kerajaan membina jambatan Pasir Tinggi/Kuala Telemong?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BiN TENGKU AWANG (Wakil Telémong): Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kuala Berang ingin mengetahui mengenai perkembangan pembinaan jambatan Pasir Tinggi/Kuala Telémong. Pihak Jurutera Perunding telahpun dilantik untuk merekabentuk projek ini dan usaha sedang dibuat untuk meminta Kerajaan Persekutuan membayai pembinaan projek ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh atau Malaysia Kelapan. Kerja-kerja rekabentuk ini sedang dibuat dan akan diserahkan oleh Jurutera Perunding kepada pihak kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor tiga -

Sejauh manakah keberkesanan program pelepasan benih-benih ikan di sungai-sungai di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pada menjawab soalan ini suka saya menyatakan bahawa sebenarnya payahlah hendak diukur setakat manakah keberkesanan program pelepasan benih-benih ikan di sungai-sungai di Negeri Terengganu ini, hendak diukur dengan tepatnya. Tetapi

29 September 1998

bolehlah saya terangkan bahawa matlamat, tujuan secara umum program ini iaitu sebagai usaha untuk menjamin setengah-setengah ikan dan udang jugak sebenarnya Dato' Yang Dipertua, di sungai-sungai, di kawasan-kawasan tertentu yang telah pupus itu akan dapat dipulihkan, tidak menghadapi kepupusan dalam jangka masa panjang. Dan sudah tentulah setengah-setengahnya dibuat untuk meningkatkan stok ataupun mengekalkan stok oleh kerana ikan-ikan dan udang-udang ini menjadi sumber pencarian rezeki kepada setengah-setengah nelayan-nelayan, pengusaha-pengusaha.

Saya suka menerangkan daripada laporan yang diperolehi, ada menunjukkan bahawa program ini akan kebaikannya dan faedahnya yang telah dinikmati oleh nelayan-nelayan. Antara benih-benih yang telah dilepaskan, sebagai contoh udang galah di daerah Besut, di empangan jajar 35,000 pada tahun lepas, di Kuala Terengganu udang galah 20,000, Hulu Terengganu pelbagai jenis ikan di Tasik Kenyir 56,000, di Marang udang galah 10,000, ikan 5,000, di Dungun udang galah 20,000 dan di Kemaman - Sungai Air Putih 10,000 berjumlah benih ikan 61,000 dan jumlah udang galah 95,000, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Maaf saya Dato' Yang Dipertua, sebagai tambahan di Kuala Terengganu, di Masjid Terapung Tengku Zaharah baru-baru ini kita telah melepaskan 50,000 benih Siakap dan Talapia 2,000.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, Wakil Batu Buruk.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan jumlah berat terkumpul sampah yang dipungut purata sebulan dalam kawasan MPKT dan cara pelupusan yang dibuat.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, jumlah berat sampah terkumpul yang dipungut purata sebulan dalam kawasan MPKT adalah sebanyak 3,120 tan. Pada masa kini MPKT mengamalkan dua cara pelupusan, iaitu:

1. Menerusi pembakaran menggunakan incinerator.
2. Pelupusan penimbusan terkawal.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah perlunya pelupusan terkawal dijalankan jika sekiranya incinerator telahpun berada?

29 September 1998

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, pelupusan-pelupusan terkawal masih diperlukan kerana incinerator yang ada pada MPKT tidak mampu menampung jumlah sampah yang ada. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Batu Buruk, walaupun MPKT beroperasi 24 jam menerusi incinerator, incinerator tersebut hanya mampu melupuskan purata 50 tan sampah sehari berbanding dengan 120 tan sehari sampah yang dipungut. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua - Sedarkah kerajaan kesan pelupusan tanpa bakaran itu kepada rakyat?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, dari segi pelupusan-pelupusan terkawal ini ianya melibatkan kajian yang teliti dari segi kesannya kerana mungkin jangka panjang dan sebagainya tidak diperolehi ketika ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, tidakkah pihak kerajaan sedar pelupusan terkawal di Kubang Ikan itu memberi kesan buruk kepada kesihatan rakyat dan gangguan bau dan sebagainya?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, sebahagian kecil kita sedar dan usaha untuk mengatasinya dibuat dari masa ke semasa termasuk menggunakan penyembur dan sebagainya. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Soalan yang kedua -

Apakah usaha dan tindakan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menjaga daripada terlepasnya harta tanah pembangunan seperti K.T. Mall, Ibai Resort dan Awana Resort daripada terlepas ke tangan orang asing dan bukan Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAIH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian mengadakan usaha dan tindakan di dalam menjaga daripada terlepasnya harta tanah pembangunan seperti K.T. Mall, Ibai Resort dan Awana Resort ke tangan orang asing dan bukan Melayu.

Secara detailnya boleh disebut projek K.T. Mall tapak projek ini diluluskan kepada Tabung Amanah Warisan Negeri. Penetapan kuota telah ditetapkan iaitu 70% hendaklah dimiliki oleh bumiputera manakala 30% bukan bumiputera. Bagi mempastikan kuota dipatuhi, kerajaan tetap menggalakkan agensi-agensinya dan badan berkamun membeli sebahagian ruang yang terdapat di dalam projek ini.

Ibai Resort, Dato' Yang Dipertua, pada amnya projek ini sebahagian besarnya adalah merupakan padang golf di samping sebahagian lagi kawasan perumahan dan kompleks perdagangan. Ibia

29 September 1998

dibanding dengan bentuk tanah asalnya tanah di kawasan ini tidak mendapat perhatian disebabkan kawasan berkenaan berpaya dan tanah baran. Dengan kos yang dibangunkan oleh pemaju begitu tinggi, maka nilai tanah berkenaan telah menjadi tinggi. Di samping itu peratus penggunaan tanah tersebut adalah untuk rekreasi hanya sedikit saja dibangunkan untuk perumahan dan perdagangan.

Awana Resort, Dato' Yang Dipertua, tanah di kawasan Awana Resort pada asalnya adalah tanah milikan bebas (free hold). Kerajaan telahpun berusaha mengambil tindakan membangunkan kawasan milik kerajaan secara usaha sama dan tanah ini sekarang telah dibangunkan sebagai projek pelancongan dan ekuitinya 30% dipegang oleh Tabung Amanah Warisan Negeri, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bolehkah pihak kerajaan menjelaskan jualan dan pemilikan bukan Melayu ke atas Ibai Resort dan Awana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Dato' Yang Dipertua, oleh kerana soalan ini ada hubungannya dengan harga maksud saya perangkaan ia memerlukan notis, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua - Adakah kuota juga dikenakan ke atas kedua-dua projek ini seperti mana K.T. Mall?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Projek mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, yang memerlukan kuota?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Ibai dan Awana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Tidak ada kuota, Dato' Yang Dipertua. Kita menggalakkan seberapa boleh terdapat di antara kita orang-orang bumiputera yang berkemampuan untuk memiliki sebahagian daripada tanah itu atau harta yang dibangunkan itu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga -

Demam denggi berdarah 55, biasa 512, 3 mati mengikut kenyataan Exco Kerajaan Negeri, apakah langkah positif yang sedang dan akan diambil bagi mengawal penyakit ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, berbagai-bagai langkah telah diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri melalui

29 September 1998

jabatan kesihatan di daerah-daerah bagi mengawal dan mencegah kejadian wabak denggi dari terus meningkat.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil:

1. Aktiviti kajian aedes di rumah-rumah dan juga di premis-premis, di tapak pembinaan, projek perumahan terbengkalai, di sekolah, pejabat kerajaan, kilang, tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes dan kawasan sensitif aedes. Sebanyak 122,236 premis telah diperiksa dan lebih kurang 1% daripadanya didapati positif untuk pembiakan aedes.
2. Mengadakan aktiviti semburan kabus ataupun *fogging* di setiap kawasan yang telah dilaporkan. Sebanyak 71,868 premis telah dijalankan semburan kabus. Manakala 5,341 premis telah dibubuh Abate untuk membunuh jentik-jentik aedes.
3. Aktiviti pengesahan dan pemusnahan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes, mengadakan gotong royong kebersihan bersama dengan masyarakat dan jabatan-jabatan kerajaan sebanyak 161 kali gotong royong telah diadakan di seluruh negeri.
4. Mengadakan pendidikan kesihatan mengenai Demam Denggi serta langkah-langkah pencegahan telah diberikan kepada peringkat dari segi aktiviti ini, ceramah 212 sesi, dialog 84 sesi, pameran 126 sesi, tanjukcara 32,088 sesi, video 13, perbincangan kumpulan kecil 66,337, pengumuman radio 64 kali, poster 2,513, risalah 98,152.
5. Penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dipertingkatkan.

Dan untuk tindakan jangka panjang, kita juga telah mengadakan satu pelan tindakan jangka panjang mulai Mei 1998 termasuk di antaranya penubuhan Jawatankuasa Anti Denggi Peringkat Daerah, Promosi Pencegahan Denggi dipergiatkan, Kempen Gotong Royong, edaran bahan-bahan pendidikan kesihatan seperti kain rentang, poster, risalah-risalah dan sebagainya, bebanan melalui unit bergerak di kawasan wabak dan tempat-tempat orang berkumpul.

Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Bruk);
Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bolhkah kerajaan melebarkan sedikit penjelasan mengenai sama ada telahpun dikenal pasti secara khusus punca dan sumber pembiakan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura); Dato' Yang Dipertua, sumber pembiakan ialah kawasan-kawasan takungan air bersih yang tidak dijaga, yang ditinggalkan begitu saja, sekian lama dan menyebabkan pembiakan nyamuk aedes.

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Air bersih sepatutnya baik, saya kata sumber ataupun punca yang menjadi puncanya kenapa? Sama ada bekas-bekas tin terbiar ataupun sumbernya ataupun puncanya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, puncanya ialah daripada air yang bertakung. Itu jelaslah. Punca lainnya nyamuklah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, kalau dah tak erti sampai tangga tu susah sikitlah. Dia kata dah buat kajian beberapa premis, sumber air bertakung kenapa? Orang tinggal tin ke ataupun orang sengaja tадah air tinggal ke? Ini kerana air yang bersih bukan air yang kotor. Saya nak tahu apa yang terbesar puncanya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, hak begini nak tanya jugak. Dah tahu dah maknanya air bertakung, air bertakunglah dalam rumah, pasu bunga yang ditinggal, tak dijaga, tin kosong sebab itu kita adakan, kelotong nyiur ke, sabut ke, kertas plastik ke hak di Rusila tu banyak buang merata-rata, nak dijaga itulah puncanya, Dato' Yang Dipertua. Hak begini nak tanya jugak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, dia sampai *signal* Dato' Yang Dipertua. Ini maknanya kekotoran masih lagi menghantui dan inilah kegagalan Majlis-Majlis Daerah dan Perbandaran. Kelotong nyiur tu tak jadi aedes, air kotor. Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah atau sejauh manakah kesannya *fogging* ataupun pengkabusan tadi. Yang dilakukan hanya bila ada orang mati baru buat sekali ataupun bunyi kata ada, baru sekali. Tidakkah kerajaan berusaha untuk mengadakan secara berjadual?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, tadi saya dah cerita dah pelan tindakan jangka panjang dan sebagainya. Memanglah kalau nak *disfogging* semasa ada kes itu barulah *disfogging*, kalau hari-hari *fogging* orang boleh mati kerana *fogging* bukan kerana aedes. *You fogging*, ini ada kesan kesihatan dia dalam jangka panjang dia, tidak boleh hari-hari nak bagi *fogging* bila ada kes pergi *fogging*lah. Kalau seminggu sekali nak pergi *fogging*, orang mati *fogging* bukan mati aedes pulaklah Dato' Yang Dipertua. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Jawab ikut hidung boleh, saya kata bila ada kematian baru ada *fogging*, baru ada pengkabusan, sekali seumur hidup. Tidakkah kita ambil pakar-pakar punya pendapat, sebulan sekali ke ataupun nyawa nyamuk ni berapa hari, kalau 5 hari - 5 hari sekali barulah mati. Ni setahun mari sekali macam mana nak mati.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, tak betul tu. Kalau Wakil Batu Buruk teliti jawapan saya tadi tu dah lengkap,

29 September 1998

detail tindakan jangka pendek, semasa dan tindakan jangka panjang. Saya rasa kalau dia perhatikan jawapan saya tadi tu menjawab soalan yang ditanya tu, kemunsykilan yang ada pada beliau. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buluk): Dato' Yang Dipertua, bukan soal kemensykilan - soal sekarang ni tindakan dan kawalan yang tidak berkesan menyebabkan peringkatan yang begitu ketara. Saya kata, tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan penjadualan pemusnahan baka-baka ataupun benih aedes ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, kita telah buat Dato' Yang Dipertua, secara yang bersungguh-sungguh buat main-main sebab aedes ni bahaya. Jadi, apa yang kita buat itu perkara yang sudah dikaji dan kita berpuas hati dan insya Alloh, kita akan berjaya Dato' Yang Dipertua. Kalau ada jugak tu terpulanglah maknanya itu dah takdir nak buat macam mana. Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Haji Mohamad Abu Bakar, Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan nombor dua, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kriteria yang digunakan oleh Pihak Berkasra Tempatan dalam membuat cukai pintu berasaskan kepada Seksyen 130 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Yang pertama jenis premis yang digunakan, iaitu terdiri daripada premis kediaman, premis kedai, pejabat, premis kilang ataupun industri.

Faktor-faktor yang mempengaruhi nilaiannya seperti

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, kalau tak silap saya soalan nombor satu ditolak. Saya mintak soalan nombor dua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila jawab soalan nombor dua Yang Berhormat Mulia Engku Bijaya Sura.

Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal, apa yang saya difahamikan soalan yang ditolak itu soalan pertama kepada soalan bertulis.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Maaf Dato' Yang Dipertua. Soalan nombor satu -

Apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh pihak pengguna tempatan dalam membuat penilaian cukai pintu terhadap:

29 September 1998

- a. Premis kediaman.
- b. Premis kedai.
- c. Premis pejabat.
- d. Premis kilang/industri.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, kriteria yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam membuat nilaiuk cukai pintu iaitu berdasarkan Seksyen 130 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Yang pertama, berdasarkan kepada jenis premis, iaitu sama ada kediaman, kedai, pejabat, kilang atau industri.

Faktor-faktor yang mempengaruhi nilaiuk seperti keluasan premis, lokasi, keadaan bangunan, mutu bangunan dan sebagainya. Penilaian ditetapkan berdasarkan kepada anggaran sewaan kasar bangunan berkenaan setelah dibuat perbandingan dengan maklumat-maklumat sewaan yang diperolehi bagi setiap pegangan untuk mendapatkan nilaiuk yang munasabah ke atas pegangan berkenaan. Daripada nilaiuk tahunan tersebut cukai dikenakan berdasarkan kepada peratusan kadar yang telah ditetapkan di kawasan berkenaan sebagaimana kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah pihak penguasa tempatan mengambil kira kemudahan-kemudahan yang disediakan di satu-satu tempat yang berkenaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, Pihak Berkuasa Tempatan mengambil kira kemudahan-kemudahan tersebut sebab itulah kadar nilaiuk berbeza dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Soalan nombor dua, Dato' Yang Dipertua -

Bagaimanakah usaha-usaha kerajaan dalam menangani masalah-masalah:

- a. Kes Juvenil di kalangan pelajar-pelajar sekolah.
- b. Kes-kes keruntuhan akhlak di kalangan murid-murid.
- c. Kes lumba motosikal haram.

YANG BERHORMAT MULIA ENGKU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan kedua Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal bagi menangani masalah keruntuhan moral bagi Negeri Terengganu. Sebagaimana saya percaya Yang Berhormat sendiri pun sedar kerajaan telah menubuh Jawatankuasa Peningkatan Moral dan Akhlak Negeri dan di semua daerah. Jawatankuasa ini sentiasa mengambil tindakan mengatur program-program di antara jabatan-jabatan yang terlibat. Sekian.

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Sejauh manakah seriusnya ataupun dalam pengetahuan perbuatan yang tidak bermoral di kalangan penuntut-penuntut sekolah iaitulah seperti pengambilan dadah dan pelacuran?

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Wakil Batu Buruk itu, saya suka menyatakan bahawa bagi mengukur tentang serius dan tidak serius dalam hal ini memang berkehendak kepada kajian yang menyeluruh. Apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang, kerajaan sedar bahawa peningkatan moral ini atau salah laku dari masa ke masa ada peringkatkan. Dengan sebab itulah kerajaan menubuh satu Jawatankuasa Peningkatan Moral dan Akhlak Negeri Terengganu dan semua daerah untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya mintak penjelasan sedikit, Dato' Yang Dipertua. Mungkin soalan tadi tidak berapa tepat, saya kata sejauh manakah kesedaran kerajaan bahawa perlakunya perbuatan-perbuatan yang saya katakan tadi. Kerana banyak laporan-laporan dan dakwaan yang mengatakan murid-murid sekolah sekarang ini terlibat selain daripada *free sex*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, dan pelacuran kelas atasan. Maknanya perpindahan daripada bandar ke bandar ini berlaku di kalangan penuntut-penuntut sekolah.

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka) Jawapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan telah menubuh satu Jawatankuasa, bererti sedarlah tu, kalau dok sedar dok tubuh lagi. Sedar, bermaknanya kita tubuh kemudian apabila kita tubuh kita akan mengambil peranan menambahkan lagi maklumat-maklumat kepada kita tentang kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral di kalangan masyarakat kita. Dengan adanya jawatankuasa ini mungkin kita akan dapat banyak lagi maklumat-maklumat dari masa ke semasa. Sedar dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya ucapkan ribuan terima kasih. Kalau dah sedar dan Yang Berhormat Exco boleh memberi kesedaran itu, bolehkah Exco menjelaskan sedikit apakah *finding* ataupun perakuan yang sedang diperolehi sehingga kini. Kerana dalam kaedah politik antarabangsa Dato' Yang Dipertua, tubuh Jawatankuasa, dia orang kata tak dok apa-apa dah tu selesai dengan jawatankuasa saja. Tetapi hasilnya tidak tahu bila.

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Batu Buruk sekejap tadi bagi saya memang tidak boleh nak jawab kerana benda seperti ini kita berhendak kepada pencarian yang serius tidak boleh nak kabar agak-agak saja. Masalah moral dan tidak boleh kata orang yang baik kita kata moralnya hodoh, kita kena jaga-jaga dalam menyatakan sesnutu. Sebab itu kerajaan cukup prihatin ataupun mengambil sikap yang cukup berijimat dalam menentukan masalah moral. Jadi,

.....

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Betullah, tapi adakah Exco ni sendiri berada dalam Jawatankuasa itu ataupun dia tidak tahu menahu hal Jawatankuasa itu bertindak dan sebagainya.

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Saya tahu tentang akhlak orang tetapi tak boleh nak kabar dalam Dewan ini. Keburukan orang kita tidak boleh nak cerita. Apabila kita tahu kita cari jalan bagaimana nak mengatasinya. Itu kerja kita, bukan kerja nak dedahkan keburukan orang. Kita tahu keburukan ada tetapi kita cari jalan bagaimana nak mengatasinya. Bukan nak kabar, orang ni buruk, orang ni buruk

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya ingat musim orang keber hal orang ni tanpa pengesahan ni boleh keber juga.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bolehkah pihak Exco memberitahu takut ada maklumat-maklumat hak lama-lama, hak baru ni tak dok lagi takut ada hak lama-lama, 93 dulu ke dan sebagainya.

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan seperti itu saya tidak boleh soal secara umum begitu, mintak notis beritahu tepat-tepat, betul-betul baru boleh kita jawab. Pukul Iocong gitu tidak sedaplah nak jawab.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasihlah.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah punca-punca yang sebenarnya dikenal pasti berlakunya peningkatan kepada kes-kes keruntuhan moral ni?

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya Yang Berhormat yang bertanya tu tahu dah punca-punca, sebab-sebab. Dia dah tahu, saya rasa tak payah saya jawablah. Boleh katakan semua Yang Berhormat ni tahu tentang punca-punca tentang kerosakan moral boleh berlaku, bila dia bermula ataupun bila dia akan dapat berhenti. Semua kita tahu belaka. Jadi, kalau tanya dalam Dewan ni seolah-olah macam kita nak main.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, saya katakan tidak ada nak main Dato' Yang Dipertua, cuma saluran betul ke atau saluran tak betul.

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Betullah dari segi ni ada seorang betul dan ada seorang tak betul, sahih dah. Tapi pokoknya setiap orang daripada kita ini, hak duduk sekeliling kita ni memang tahu sebab-sebab yang boleh merosakan moral seseorang itu, puncanya dan sebagainya. Jadi, janganlah jadi Dewan ini tempat kuliah, syarahan berkenaan dengan peningkatan moral kita. Sekian, Yang Berhormat.

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah pegawai-pegawai penguatkuasa mencukupi bagi menangani masalah lumba motosikal haram?

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Yang Berhormat sila ulang soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua - Adakah pegawai-pegawai penguatkuasa ataupun Pegawai Polis Traffik mencukupi untuk menangani masalah lumba motosikal haram?

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Mengikut pengetahuan kita pegawai-pegawai yang menjaga lumba haram ini, pada masa ini mencukupi. Tetapi apabila bertambah perlumbaan mungkin boleh jadi tak cukup pulak. Jadi bergantung kepada keadaan semasa. Setakat ini kerajaan puas hati pegawai-pegawai yang menjaga perlumbaan haram ni kita rasakan telah mencukupi. Jadi, kalau didapati lumba haram ni bertambah mungkin pegawai yang ada sekarang tidak mencukupi dan kerajaan akan ikut menambahkan lagi pegawai-pegawai, ini biasalah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTAQIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengesyorkan ataupun menasihati pihak Polis daripada menghina anggota Polis menjaga lumba haram ke, sekatan jalan raya ke sewaktu sembahyang Jumaat dengan Polis wanita-Polis wanita. Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Perkara ini memang adalah dalam pengetahuan kerajaan terutama sekali waktu sembahyang Jumaat. Dan tentu lah tidak elok Pegawai Polis lelaki duduk tengah jalan masa orang duduk sembahyang Jumaat. Jadi, kerajaan sedang memikirkan bagaimana nak mengatasi. Kalau kita ada Polis Wanita mungkin akan timbul masalah dalam masa menjalankan tugas. Jadi, perkara seperti ini akan berlaku dari masa ke semasa dan kalau kita tahu bahawa Polis ni bukan orang sembahyang Jumaat belaka, ada orang tak payah sembahyang Jumaat seperti orang bangsa lain, agama yang lain boleh ditempatkan. Tetapi sekiranya tidak ada orang seperti itu dan kemungkinan tu berlaku terpaksa juga kena mengambil tindakan ini untuk mengelakkan daripada kerosakan di atas muka bumi u..

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, soalan nombor tiga -

Apakah Langkah-langkah kerajaan dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran dan melicinkan pengurusan di jabatan-jabatan kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pentadbiran negeri telah menjadi usaha-usaha ke arah memantap, mengukuh dan memperteguhkan jabatan-jabatan dan agensi-agensinya dalam negeri

sebagai agenda utama dan berterusan. Di antara langkah dan usaha-usaha yang telah diambil ialah pelaksanaan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA), yang memberi penekanan ke arah layanan dan perkhidmatan telefon yang mesra, sistem perkhidmatan kaunter yang mesra dengan pelanggan, Piagam Pelanggan yang berorientasikan kepuasan pelanggan terhadap kualiti barang dan perkhidmatan, Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Budaya Kerja Cemerlang serta usaha-usaha yang lain.

Bagi mempastikan usaha-usaha tersebut berterusan dan mempertingkatkan lagi pencapaiannya, pelaksanaan piawaian ISO 9000 dalam organisasi perkhidmatan awam negeri sedang dalam peringkat awal pelaksanaan sebelum mendapat penilaian dan pengesahan Unit Pemodenan Tadbiran Awam Malaysia (MAMPU) untuk dilaksanakan di peringkat organisasi. Pada masa ini, kemajuan pelaksanaan ISO 9000 di jabatan atau agensi negeri bermula dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu, Pejabat-Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkua Tempatan, jabatan-jabatan negeri dan badan-badan berkanun/agensi-agensi negeri adalah tahap kemajuan yang berbeza-beza - ada yang bermula dengan membina komitmen pengurusan atasan, mengenalpasti proses utama, peringkat penyediaan dokumen dan sebagainya.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, bagi meningkatkan lagi kredibiliti dan akauntabiliti sektor awam, pentadbiran negeri juga telah menujuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan Negeri (JKPKN) dengan matlamat untuk mewujudkan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang paling tinggi dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni di samping berusaha mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan-peraturan, perundangan serta agama.

Dato' Yang Dipertua, bagi menghadapi perubahan pesat di dalam pengurusan, usaha-usaha pembaharuan automasi pejabat dan penggunaan aplikasi teknologi maklumat telahpun dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Adalah diharapkan penggunaan IT secara menyeluruh akan dapat dilaksanakan apabila Terengganu Net siap yang akan mengaplikasikan Kerajaan Elektronik.

Pengurusan sumber manusia dan pembangunan organisasi di dalam sektor awam terus diberi tumpuan untuk melengkapkan pegawai dan kakitangan awam negeri dengan pengetahuan dan kemahiran semasa serta pendedahan yang lebih meluas. Mereka ini bukan sahaja digalakkan untuk mengikuti kursus peringkat ijazah dan lepasan ijazah tetapi juga kursus-kursus dan latihan di peringkat institusi dan dalaman *in house training* Dato' Yang Dipertua, dengan izin.

Dato' Yang Dipertua, usaha-usaha yang telah dibuat selama ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat Kerajaan Persekutuan dalam mana beberapa jabatan/agensi negeri telahpun memenangi beberapa anugerah sejak tahun 1990 lagi seperti Anugerah Pejabat Terbaik JKR Daerah Seluruh Malaysia oleh JKR Daerah Hulu Terengganu (1990), Anugerah Kualiti Pejabat Daerah Peringkat Kebangsaan oleh Pejabat Daerah Setiu (1992), Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik Kategori Jabatan-jabatan Peringkat Negeri Seluruh Malaysia oleh Pejabat Daerah Kuala Terengganu (1993) dan banyak lagi anugerah-anugerah yang dimenangi pada tahun 1997 oleh Pejabat

29 September 1998

Pengarah Tanah dan Galian Terengganu, Pejabat Tanah Kemaman, Pejabat Tanah Dungun, Pejabat Tanah Kuala Terengganu, Pejabat Tanah Setiu, Majlis Daerah Marang dan lain-lain lagi.

Kita seharusnya Dato' Yang Dipertua, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada jabatan-jabatan ini, pegawai-pegawai yang telah memberi khidmat yang sangat cemerlang sehingga mereka dikenal pasti untuk menerima anugerah-anugerah itu, Dato' Yang Dipertua.

Walaupun begitu Dato' Yang Dipertua, pentadbiran negeri terus membuat penilaian dan pemantauan bagi melakukan penambahbaikan yang dapat meningkatkan lagi kualiti, produktiviti, kecekapan dan seterusnya menjadikan sektor awam lebih mesra dengan pelanggan-pelanggan, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, ada satu soalan tambahan - Berapa kerapkah pihak kerajaan mengadakan pertukaran tempat kerja bagi memberi peluang pengkayaan pengalaman, jenis-jenis pekerjaan kepada tenaga-tenaga pekerjanya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, satu soalan yang agak payah nak dijawab secara menyeluruh kerana terdapat perbezaan antara satu kategori dengan satu kategori yang lain, antara satu jabatan dengan jabatan yang lain, Dato' Yang Dipertua. Tapi walaupun apa pun seperti yang telah kita sedia maklum pertukaran itu perlu dibuat dari masa ke masa. Selain daripada menyesuaikan kedudukan pegawai-pegawai ia juga memberi peluang kepada pegawai-pegawai untuk mendapat pengetahuan-pengetahuan baru di samping melaksanakan idea-idea baru atau pengetahuan baru yang telah mereka perolehi dalam kursus dan sebagainya, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

Bilakah Kerajaan bercadang untuk mengorporatkan Jabatan Bekalan Air.

YANG BERHORMAT MULIA TENKU PUTERA BIN TENKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan bercadang mengorporatkan perkhidmatan Bekalan Air Terengganu, bukan seperti soalan ditanya Jabatan Bekalan Air, setelah pindaan kepada Enakmen Bekalan Air sedia ada akan dibentangkan di Dewan yang niaga ini pada hari ini diluluskan. Manakala Jabatan Bekalan Air sebagai penyelia dikekalkan. Terima kasih.

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Biasanya pengkorporatan dikaitkan boleh memberi perkhidmatan yang lebih efisien dan juga cemerlang tetapi pada waktu yang sama dikaitkan dengan bayaran bil yang lebih tinggi apabila ianya dikorporatkan. Apakah jaminan kerajaan agar kadar bayaran bil nanti tidak akan dinaikkan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semuanya ini akan dibincangkan dalam Enakmen yang akan dibentangkan nanti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

Berapa peratuskah dividen yang telah dibayar kepada pemegang Saham Amanah Darul Iman (ASDI) pada tahun lepas dan berapa peratuskah dividen yang dijangka dapat dibayar pada tahun ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada tahun 1997, ASDI telah mengisyihar dan membayar dividen sebenar 10 sen bagi setiap unit. Seperti yang kita sedia maklum, prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bertambah lemah sejak awal tahun ini. Indeks komposit BSKL telah jatuh sebanyak 49.04% dalam masa 8 bulan pertama tahun ini. Keadaan yang lemah ini telah menjadikan prestasi ASDI khususnya keupayaan ASDI untuk mengekalkan dividen seperti tahun-tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, belumlah dibuat keputusan yang muktamad mengenai dividen yang akan dibayar pada tahun ini, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah benar dakwaan yang menyatakan pihak Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah diarahkan untuk mengeluarkan wang sebanyak RM50 juta untuk membayar dividen kepada para pelabur ASDI tahun lepas?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dakwaan yang tidak berasas dan tidak benar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, soalan ketiga -

Adakah Keajaan bercadang untuk menurunkan kadar cukai pintu dan cukai tanah di negeri ini.

29 September 1998

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAJI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada masa ini tiada apa-apa cadangan untuk menurunkan kadar cukai pintu dan cukai tanah kerana sekarang cukai tanah kita yang paling rendah sekali jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Dalam kemelesetan ekonomi yang cukup membebankan rakyat, adakah kerajaan berecadang untuk menimbang kembali, menimbang baik cadangan tidak menurunkan oleh kerana beberapa Majlis Perbandaran lain telah pun mula menurunkan kadar cukai *assessment* cukai pintu seperti Labuan, Pulau Pinang, Sebatang Prai dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAJI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, mungkin kadar yang dikenakan di tempat-tempat yang disebut oleh Yang Berhormat itu tinggi jadi pohon ditimbangkan. Jadi, tempat kita yang tidak begitu tinggi barangkali belumlah lagi sampai masanya untuk ditimbangkan. Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam) Terima kasih.

29 September 1998

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa menjawab kepada soalan-soalan lisan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah selesai. Dan seperti biasa mana-mana soalan yang belum dijawab akan dijawab secara bertulis. Mesyuarat disambung lagi.

**USUL MENURUT FASAL 30(1) PERATURAN-PERATURAN DAN
PERINTAH-PERINTAH DEWAN UNDANGAN NEGERI**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon untuk mengemukakan satu usul mengikut Fasal 30(1) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, cadangan kerana menangguhkan persidangan Dewan disebabkan oleh sesuatu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima notis usul tersebut daripada Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Setelah saya meneliti usul tersebut, saya dapat ianya menepati kehendak Fasal 30(1) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri iaitu berkait dengan perkara tertentu dan mustahak bagi orang ramai. Dan saya jemput Yang Berhormat Wakil Seberang Takir untuk kemukakan usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Saya memohon mengemukakan usul yang dibenarkan oleh Yang Berhormat Yang Dipertua seperti berikut:

Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju membuat KETETAPAN menyokong tindakan kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dalam menangani kegawatan ekonomi negara sekarang dan turut sama menjayakan program Pemulihan Ekonomi Negara di peringkat negeri.

Dewan hari ini juga Dato' Yang Dipertua, bersetuju menyokong tindakan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia memecat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, dan dalam hubungan ini mengcam serta menyesali perhimpunan haram yang diadakan di masjid-masjid dan di tempat-tempat awam.

29 September 1998

Saya mohon menehadangkan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelum usul ini diterima dan dibahas, saya buka untuk sokongan. Siapa bersetuju menyokong usul ini sila berdiri sila berdiri. Terima kasih.

Usul telah mendapat sokongan, dan usul ini dipersetujui diterima. Sekarang saya buka untuk perbahasan.

Dan suacitalah saya maklumkan oleh kerana masa begitu terhad maka saya hanya akan memberi peluang membahas dalam tempoh 20 minit saja. Saya jemput sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kata usul ini penting menyentuh hak orang ramai, nak bahas 20 minit mana ada lojik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, yang memberi peluang yang pertama kepada saya untuk selain daripada menyokong usul ini dan membahas usul yang telah disampaikan oleh wakil daripada Seberang Takir baru sekejap tadi.

Dato' Yang Dipertua, walaupun kita nak bahas dalam 20 minit inilah menunjukkan *urgent*nya, pentingnya usul ini. Kita bukan bahas banyak-banyak itu menunjukkan penting, kadang-kadang lama itu tidak boleh memuaskan. Pendek itu

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebab dua-dua, memanglah puak-puak yes man ni macam tulah kerja.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Pendek itu padat dan memuaskan. Dato' Yang Dipertua, saya rasa bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana pada hari ini dapat menyokong satu usul yang saya kira sudah sampai pada ketika dan saatnya untuk kita meluluskan di Dewan yang mulia ini. Sebabnya Dato' Yang Dipertua, ada beberapa sebab - pertama sekali usul ini perlu diputuskan dan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini ialah untuk menyokong pucuk pimpinan negara Dr. Mahathir Mohamad dalam menangani isn semasa supaya memastikan keharmonian dan kestabilan termasuk berkekalan di dalam negara kita yang kita cintai ini.

29 September 1998

Dato' Yang Dipertua, yang keduanya rasa merasa penting usul ini diluluskan juga ialah untuk memberitahu kepada rakyat betapa pentingnya keamanan dan kestabilan dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Dan yang ketiga untuk menolak anggapan setengah-setengah golongan bahawa reformasi adalah cara terbaik untuk dijadikan kaedah bagi membangunkan negara kita ini. Kerana reformasi itu boleh membawa kepada huru-hara, boleh membawa kepada rusuhan yang boleh secara sekali gus menjadikan keamanan dan keselamatan negara. Contoh Dato' Yang Dipertua, yang sikit-sikit berlaku di Masjid Negara, di Dataran Merdeka, di Johor, di Masjid Negeri Kuantan petang semalam sedikit sebanyak merupakan bunga-bunga yang kalau tidak dibendung ianya boleh marak dan terus membakar negara kita ini. Kemungkinan ianya akan menjadi reformasi seperti di Indonesia yang berlaku seketika sebelum daripada ini yang akibatnya, secara ringkas Dato' Yang Dipertua, keadaan rakyat di negara Indonesia itu sekarang ini berada di dalam keadaan huru-hara, berada di dalam keadaan kemiskinan dan tidak menentu.

Dato' Yang Dipertua, saya menekankan perkara ini kerana selama ini ataupun sebelum daripada ini rata-rata pemimpin kita mengajak rakyat supaya melihat kepada negara-negara yang tidak mempunyai kestabilan, yang keselamatannya terpisah dirujukkan kepada Cambodia, dirujukkan kepada beberapa negara lain yang berada di dalam keadaan perperangan, betapa susahnya mereka, rakyat mereka menderita dan sebagainya. Tetapi kini, perkara-perkara seperti kita tunjukkan berlaku di negara-negara lain pada masa itu kemungkinan berlaku di negara kita. Oleh hal yang demikian, Dato' Yang Dipertua, saya merasakan bahawa pucak pimpinan negara mestи dibacking, disokong kuat-kuat supaya kita dapat mentadbir negara ini dengan lebih baik, dengan lebih kuat, dengan lebih mampu daripada masa-masa yang dahulu dan dengan secara sekaligus kegawatan akan dapat diatasi.

Dato' Yang Dipertua, reformasi ini juga kalau berlaku rusuhan ianya memungkinkan atau boleh menjadi helah kepada negara-negara asing, negara-negara luar untuk masuk campur. Dan kita dah dengar sehari dua ini ada suara-suara yang mengatakan bahawa setengah-setengah daripada negara-negara asing itu akan melakukan boikot ekonomi terhadap negara kita, dengan tidak membeli barang-barang produk daripada negara kita dan apa akan jadi kepada kelapa sawit kita, apa akan jadi kepada Proton kita, apa akan jadi barang-barang produk yang kita bikin setiap hari dan setiap bulan, dan setiap tahun itu, Dato' Yang Dipertua.

Dan yang keempatnya, sudah tentulah Dato' Yang Dipertua, untuk mempastikan yang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad saja menjadi Ketua dan pemimpin Malaysia pada masa ini supaya tidak berlaku satu kapal nakhoda dua. Dato' Yang Dipertua, kenapa keadaan ini berlaku di dalam negara kita dalam masa dua tiga empat hari ni, macam sekilip mata saja, macam kita mimpi, tidur ... celik daripada tidur dan berlaku perkara ini.

Secara pendeknya Dato' Yang Dipertua, pemecatan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Ada dua isu yang timbul Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, barangkali orang lain juga akan mengambil peluang ini. Panjang lagi ke? Seminit lagi?

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Seminit, dua minit lagi tak apa Dato' Yang Dipertua. Saya minta izin sikit, insya Allah.

Ada dua isu yang ada di hadapan kita Dato' Yang Dipertua, pertama orang ramai banyak tak berapa nak percaya. Yang keduanya sikap dan tindakan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar selepas dipecat. Dato' Yang Dipertua, kalan kita melihat kepada zat pemecatan itu, bagi kita orang-orang Islam barangkali bukan satu perkara yang luar biasa, yang tidak boloh berlaku. Kerana ini adalah ianya merupakan kehendak dan ketentuan Allah s.w.t. kepada kita. Allah berfirman:

وَلَمْ يَكُنْ لِّكُمْ مِّنْ دُنْعَىٰ مَا
مَا كُنْتُ أَنْهَا مِنْ نَصْرَاتٍ
وَلَمْ يَكُنْ لِّكُمْ عَلَيَّ أَنْ تَسْأَلُنِي مَنْ أَنْهَىٰ

Dengan ayat ini, Dato' Yang Dipertua, sudah cukup bagi kita mengimani apa juga yang berlaku adalah di atas kehendak dan ketentuan Allah s.w.t.

Kemudian dari segi Perlembagaan pulak Dato' Yang Dipertua, Perdana Menteri mempunyai hak dan *prerogative* yang cukup untuk melantik dan meluahkan jawatan sesiapa yang dia suka yang di bawah kuasa dia, bukan hak yang di bawah PSC dan sebagainya, yang di bawah bidang kuasa dia, diberi *prerogative* hak dia melantik. Jadi, tidak ada apa masalah, dia nak lantik ke, dia nak lencut ke, dia nak *reschedule* ke. Dan pernah berlaku dalam sejarah negara kita, setiap kali pilihan raya dan di tengah *term* pun berlaku. Jadi apa sangat yang kita nak kira. Dan saya kira sudah tentulah kepada seorang Perdana Menteri yang seperti Dr. Mahathir, dia tidak melakukan perkara-perkara yang sia-sia. Dia melakukan satu-satu tindakan Dato' Yang Dipertua, adalah penuh hikmah dan kebijaksanaan demi untuk kepentingan bangsa, agama dan tanahair. Dan itulah yang dilakukan Dato' Yang Dipertua, kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar yang pernah menjadi *petnya* beberapa tahun.

Dan yang seterusnya Dato' Yang Dipertua, kita nak lihat sikap yang ditunjukkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim selepas pemecatan berlaku. Bagi saya sejarah pemecatan Panglima Islam, Khalid al-Walid oleh Saidina Omar al-Khatib dari turus mengetuai tentera dalam satu peperangan dan digantikan dengan Abu Ubaidah adalah sebaik contoh. Kerana Khalid al-Walid setelah menerima surat pemecatan turus akur dan turus menyerah jawatan, turus berperang bersama pemimpin baru walaupun di saf belakang. Dan tidak pula mengajak dan mengarahkan mana-mana pengikut supaya berpaling tada dan menikam dari belakang. Natijahaya Dato' Yang Dipertua, kemenangan kepada semua dan dakwah Islam berkembang.

Dato' Yang Dipertua, kenapa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar dipecat? Tentu orang mintak alasan

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUITALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kata seminit saja ni lima minit pulak dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Untuk pengetahuan Wakil Batu Buruk, Dato' Yang Dipertua tak kata 20 minit untuk beberapa orang, 20 minit untuk bincang isu ini. Dia tak kata *you* lima minit, empat minit, dia kata untuk bincang ni 20 minit. Saya belum sampai 20 minit lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat barangkali

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Seminit lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seminit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Ramai orang yang tidak boleh menerima Dato' Yang Dipertua, kerana susah nak merumuskan hujah dan alasan ini, banyak sangat *kilwaqalnya*. Dan oleh kerana kedaulatan Undang-Undang di negara kita ini masih ada biarlah hal ini kita serahkan kepada yang mengamalkan undang-undang untuk memberi keadilan. Tentunya keadah-kaedah seperti *البيعة على الديار و بين عصافير* boleh dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dato' Yang Dipertua, reformasi yang sebenarnya berlaku setelah negara kita mencapai kemerdekaan menerusi dasar-dasar negara yang dibuat oleh zaman Tunku Abdul Rahman, zaman Tun Razak dan seterusnya ialah zaman Dr. Mahathir ini. Sama ada ianya melalui Dasar Pendidikan Negara, Dasar Pertanian Negara dan apa juga dasar negara yang kita buat adalah merupakan kerangka-kerangka reformasi untuk membangun, untuk memaju negara, agama, bangsa dan tanahair.

Dato' Yang Dipertua, saya nichon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan. Saya mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana memberi sedikit kesempatan kepada saya untuk turut menyokong usul tergempar yang dibawa oleh Wakil Seberang Takir sebentar tadi.

Sokongan saya berdasarkan beberapa fakta, antaranya yang pertama masalah kegawatan ekonomi merupakan perkara pokok terpenting yang mesti diselesaikan ia melibatkan kepentingan negara dan kepentingan seluruh rakyat. Dan cara yang telah diselsaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan cara yang terbaik dan drastik sebagaimana yang telah diumumkan pada 1 September yang lalu. Yang kedua, masalah salah laku moral di kalangan pemimpin hendaklah ditangani tanpa memilih bulu dan definisi salah laku moral adalah amat luas. Dan ini telah juga dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

29 September 1998

Izinkan saya sebut sedikit masalah kegawatan ekonomi yang telah belenggu negara kita semenjak Julai 1997 dimana kalau tidak diambil tindakan segera dan luar biasa akan membawa beberapa akibat buruk. Di antaranya, yang pertama dengan tingginya kadar faedah pinjaman seperti yang diperkenalkan sebelum pengumuman 1 September, yang pasti sebahagian besar dari syarikat-syarikat swasta kita terpaksa ditutup. Dan ini kesannya amat buruk mungkin ratusan malah jutaan pekerja-pekerja di syarikat swasta terpaksa hilang mata pencarian mereka. Yang keduanya dengan tertutupnya syarikat-syarikat swasta, kerajaan tidak mempunyai wang dimana cukai yang diperolehi dari cukai korporat 28% sudah hilang. Dan yang ketiga, kesannya akan terhentilah pembangunan negara, yang kedua kesannya pinjaman dan basiswa kepada pelajar-pelajar kita di pusat-pusat pengajian tinggi mungkin terpaksa dihentikan dan ini akan melibatkan masalah dan nasib anak bangsa kita sendiri. Yang ketiga, dengan ketiadaan wang kerajaan pengurangan kakitangan akan berlaku dan ini juga merupakan satu masalah yang berat bagi negara.

Yang Berhormat Yang Dipertua, yang ketiga mengenai masalah moral dimana melibatkan pemecatan Tiubalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Adalah amat tidak manis pada perhatian saya, sekiranya kita seorang pemimpin tertinggi negara kalaulah bersahabat akrab, bersahabat rapat dengan seorang tokoh yang telah dikenal pasti sebagai mereka yang mempunyai peranan yang besar menghidupkan judi di negara kita ini. Sebagaimana kita maklum, bahawa Dato' Nalla ketika itu merupakan seorang tokoh, seorang pegawai tinggi di sebuah syarikat perjudian di negara kita ini. Persahabatan

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Penjelasan, Dato' Yang Dipertua - Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa judi itu halal?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kurang pasti.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Saya tanya ... penjelasan daripada Yang Berhormat - Tidakkah judi Yang Berhormat kata tadi itu, judi halal?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Siapa mengatakan halal?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi kalau kita lihat di sini pemimpin yang sangat dihormati sebagai pemimpin yang dilihat begitu alin, kalau kita lihat secara moralnya tidaklah sesuai kalau berkawan dengan tokoh seperti itu. Saya tidak nak bawak cerita-cerita lain, masalah lain, saya cuma nak bawak masalah ini saja tidak dapat diterima oleh masyarakat Islam di negara ini.

Yang kedua, kita juga maklum bahawa IMF merupakan satu dana Tabung Kewangan Dunia yang kerjanya memberi pinjam kemudian kemudian ambil bunga, bunganya tinggi. Jadi, kita merasa kurang senang kalau kita sanggup mengetahui sebagai Pengurus sebuah dana seperti ini. Dan ini juga bagi kita masyarakat Islam kurang manis.

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua - Pelantikan itu pelantikan Kerajaan Malaysia bukan pelantikan Anwar Ibrahim. Dan tidakkah dapat buku kita duduk ambil riba', ke kerana besar haram kerana kecil tak haram.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, benar tapi pelantikan itu boleh ditolak dan dipilih untuk digantikan dengan orang lain. Itu terpulang kepada kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masalah-masalah lain, masalah moral yang lain saya tak nak sebut di sini kerana kedua-dua masalah ini pun sudah kita lihat bahawa ia tidaklah manis apa lagi ia dilakukan oleh seorang yang begitu kuat, yang katakan begitu kuat pegangan agamanya. Selain daripada itu, saya juga melihat sehari dua yang lalu sebuah pertubuhan di Filipina, pertubuhan Gay - menyoal tindakan Perdana Menteri kita memecat Timbalannya kerana dikatakan terlibat dalam masalah yang berkaitan. Saya tidak tahuolah sama ada penyokong-penyokongnya di Malaysia ini melibatkan juga golongan-golongan orang yang seperti ini ataupun golongan-golongan yang memang suka judi ini dikembangkan di negara ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya merasakan bahawa tindakan yang dilakukan yang dilakukan oleh Perdana Menteri merupakan satu tindakan drastik yang berani yang sebelum ini tidak pernah terfikir oleh kita. Dan ini merupakan satu rahmat dan saya bersimpati dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sebagai orang yang mendidik dan menatang seperti minyak penuh terhadap Timbalannya tentulah merasa amat serba salah, amat sukar, amat sedih untuk memecat orang yang disayangi. Tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang telah diingatkan oleh Rasulullah bahawa sekiranya Fatimah anakku mencuri nascaya tangan Fatimah juga akan aku potong. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, masa yang telah dijanji telah cukup, setengah jam. Jadi,

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, saya cadangkan usul ini dibawa ke perhimpunan khas UMNO dan bukan Dewan. Pasal kami Ahli Dewan juga dan bukanlah kami nak *endorse* begitu saja, kami pun nak sokong juga ni. Bagilah peluang pembangkang satu, seorang cakap, paling kuranglah ini akan menggambarkan kebijaksanaan Dato' Yang Dipertua, akan menggambarkan keadilan yang ada di kerusi itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Walau macam manapun kita fahamlah pembangkang sokong, dah sebut tadikan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dengarlah kita nak bagi hujah ni ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya faham dah

29 September 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Setiap apa Dato' Yang Dipertua, mestilah ada hujah takkanlah kita nak senyap-senyap, baik senyap-senyap kita buat dalam bilik Exco. Ini Dewan dan sebelum Dewan diminta pengesahan, Dewan diminta sokongan, kenapa dibawa kepada Dewan dan tidak benar kita bercakap? Bagilah walaupun seminit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi, susah saya ni

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Jadi, saya bercakap di atas

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Nanti dulu, ada laluan ini laluan halal. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang bijaksana

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (a. IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, penjelasan Dato' Yang Dipertua - Saya mintak Dato' Yang Dipertua, tak ijin Wakil Batu Buruk berbahas, bercakap pasal dalam kemukakan usul dia tak sokong tadi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya sokong dah, saya bangun diri

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (a. IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Nak sokong guana tadi dia tak sokong Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk sila duduk. Memandang masa yang telah diberi telah tamat, jadi saya mengambil keputusan tutup perbahasan usul ini dan mesyuarat disambung semula.

29 September 1998

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

MENYEMBAH UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA KEBAWAH DULI YANG MULIA TUANKU AL SULTAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN menyembah UCAPAN TAHNIAH KEBAWAH DULI YANG MULIA TENGKU MIZAN ZAINAL ABIDIN, DARJAH KERABAT TERENGGANU YANG AMAT MULIA (DK), DARJAH SERI SETIA SULTAN MAHMUD TERENGGANU YANG AMAT TERPUJI (SSMT), DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA TERENGGANU YANG AMAT DIHORMATI (SPMT), DARJAH KERABAT BAGINDA SYED PUTRA PERLIS (DK PERLIS), DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (SPMJ), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL MUKTAFI BILLAH SHAH, di atas pemasyhuran Baginda sebagai Sultan dan Yang Di Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta jajahan takluknya.

Dan juga bahawa Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu berikrar taat setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan dan bersedia menjalankan dasar-dasar kerajaan, pentadbiran dan pembangunan negeri dengan memuaskan demi kepentingan negeri dan rakyat keseluruhannya."

Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila -

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Anggota Exco, Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan, hadirin dan hadirat yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Pertama-pertamanya saya turut mengucapkan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan yang baru dimasyurkan sebagai Sultan dan Yang Di Pertuan bagi Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam kesempatan ini saya ingin mengingatkan diri saya sendiri dan jugak Dewan Undangan Negeri Terengganu yang mulia ini bahawa soal ketaatan rakyat jelata termasuk Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kepada Sultan pada masa-masa yang telah lalu adalah menjadi suatu amalan bagi rakyat Negeri Terengganu ini khususnya dan secara umumnya orang-orang Melayu sentiasa mentaati, mematuhi arahan Duli Yang Maha Mulia

29 September 1998

Sultan. Dan memang dulunya kata-kata Hang Tuah, Melayu ini pantang derhaka. Tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan bahawa dalam perkara memberi ketaatan, kesetiaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan di dalam negara seperti Malaysia ini, yang Terengganu salah satu daripada wilayahnya, adalah mempunyai kekaburuan. Kerana mengikut Perlembagaan, Sultan ataupun Yang di Pertuan Agong memerintah mengikut nasihat. Kebanyakannya daripada dasar-dasar kerajaan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk Saya tangguh Dewan dan akan disambung semula jam 11.30. Dan insya Allah, kepada Yang Berhormat Wakil Manir akan diberi sambungan ucapan. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.10 PAGI.

DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 11.30 PAGI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat disambung semula dan saya jemput Yang Berhormat Wakil Manir menyambung perbahasan ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, saya menyambung perbahasan untuk menyembahkan ucapan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mizan Zainal Abidin yang dimasyurkan sebagai baginda Sultan dan Yang Di Pertuan bagi Negeri Terengganu ini. Dan dalam kesempatan ini jugak saya berdoa kepada Allah s.w.t. supaya Duli Yang Maha Mulia Sultan akan terus diberi taufik dan inayah daripada Allah s.w.t. untuk mengawasi pentadbiran dan perjalanan kerajaan Negeri Terengganu ini.

Bercakap soal taat setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagaimana yang telah saya ucapkan sekejap tadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah menjadi amalan kepada rakyat Negeri Terengganu ini yang sentiasa kasih dan sayang para pemimpinnya terutama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan. Walau bagaimanapun pentadbiran negara kita yang memakai sistem demokrasi berparlimen ini maka kuasa mentadbir negeri tidak sepenuhnya berada pada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Dasar-dasar kerajaan juga tidak berada sepenuhnya pada Duli Yang Maha Mulia Sultan malahan keputusan-keputusan berkaitan dengan Enakmen apa juga yang diluluskan Dewan Undangan Negeri khususnya Negeri Terengganu pada masa ini tidaklah diberi kuasa sepenuhnya pada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mempersetujui atau tidak mempersetujui. Kerana dalam jangka masa yang tertentu mana-mana Rang Enakmen yang telah diluluskan, walaupun tidak dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan maka dia terus menjadi Enakmen, dia terus menjadi Undang-Undang yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang sudah tentunya mewakili parti yang memerintah di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penyalahgunaan selalu berlaku dimana pihak-pihak yang tertentu menyalahgunakan atau menggunakan nama Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk

29 September 1998

bertindak bagi kepentingan-kepentingan yang tertentu, lebih-lebih lagi apabila kepentingan bagi satu-satu parti politik yang memerintah. Pada kebiasaannya pelucutan jawatan ataupun penamatan perkhidmatan pegawai-pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama terutama sekali yang berkaitan dengan Imam Masjid, Bilal dan sebagainya, selalunya nama Duli Yang Maha Mulia Al Sultan yang menyatakan Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan untuk menamatkan perkhidmatan tuan ataupun puan dan sebagainya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita percaya Duli Yang Maha Mulia Sultan kebanyakannya tidak dimaklumkan dalam perkara ini. Oleh kerana itu mereka-mereka yang dikatakan bertanggungjawab itu oleh kerana perkara yang berkaitan dengan agama duduk di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Al Sultan maka dia mempergunakan Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk bertindak. Ini adalah satu perkara yang tidak wajar ataupun yang tidak sepatutnya berlaku dengan menggunakan nama baik Duli Yang Maha Mulia

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Saya mohon maklum Yang Berhormat tahu dimana agaknya Duli Yang Maha Mulia Tuanku dimaklumkan terhadap sesuatu perkara.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sudah banyak kes yang saya timbulkan dalam Dewan ini dalam penggal-penggal yang lalu, dalam persidangan-persidangan yang lalu, bila berlaku ataupun bila datangnya satu-satu surat pemecatan ataupun penamatan perkhidmatan seorang Pegawai Masjid itu digunakan nama Duli Yang Maha Mulia Al Sultan. Tapi apabila kita membuat penelitian, kita membuat rujukan kepada pihak yang berkenaan maka kita dapat bahawa sebenarnya Duli Yang Maha Mulia Al Sultan tidakpun mengetahui secara jelas. Ataupun Duli Yang Maha Mulia Sultan diberi taklimat palsu oleh pegawai-pegawai atau oleh parti yang memerintah untuk kepentingan diri mereka.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Saya minta Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Manir tarik balik kenyataan palsu ini, maklumat paslu ini kerana tidak ada bukti kenyataan yang dibuat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau ada bukti yang saya kata palsu tu saya boleh tarik balik. Kalau yang sudah kata palsu tidak ada bukti, tidak boleh tarik balik.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini perkara-perkara yang berlaku dan dihubungkaitkan dengan Duli Yang Maha Mulia Al Sultan. Ini adalah suatu cara yang tidak baik yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengeruhkan atau untuk melahirkan rasa tidak puas hati rakyat kepada Duli Yang Maha Mulia Al Sultan. Jadi, oleh kerana itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya melalui Dewan ini mengharapkan agar pihak-pihak yang tertentu tidak lagi menggunakan nama baik Duli Yang Maha Mulia Al Sultan kecuali dalam perkara-perkara yang memang diberi maklumat dan taklimat yang betul.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam Islam: *الصلوة في الحجّ*
dalam Islam taat bukan satu perkara yang mutlak, taat itu adalah bergantung kepada baik buruknya perkara itu:

29 September 1998

عَنْ أَنْبَابِهِمْ أَصْحَحُ مَا تَعَلَّمُونَ حِينَ حَيْثُ وَكَيْهُ
سَمِعُوا مِنْ رَوْمَرْ عَصَمِيَّةَ قَارِئَةَ الْجَمِيعِ مِنْ
صَحَّةِ صَاحِبِهِ

Orang Islam dikehendaki supaya mendengar dan patuh, sama ada dalam perkara yang dia suka atau tidak suka selama mana dia tidak suruh atau diarah melakukan perkara-perkara yang mendatangkan maksiat atau percanggahan dengan ajaran Allah s.w.t. Hadis Nabi s.a.w menyatakan:

لَا يَنْهَا مُحْكَمٌ فِي سَمْعِهِ لَيْلَةً

Tidak ada ketaatan pada mahkluk dalam perkara yang mendatangkan maksiat kepada Pencipta iaitu Allah s.w.t.

Satu perkara yang mendukacitakan kita bahlawa mengikut Undang-Undang Tubuh bagi negeri ini dan mengikut Perlembagaan Persekutuan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan agama itu diserahkan kepada atau tertakluk kepada bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia Al Sultan. Tetapi apa yang mendukacitakan kita ialah perkara yang berkaitan dengan agama itu dipersemplikkan, tidak diperluaskan, tidak dimasukkan perkara-perkara yang lain daripada apa yang disebutkan Undang-Undang Keluargaan hal nikah kahwin, cerai, pentadbiran masjid dan sebagainya. Pada hal Islam itu adalah satu agama yang luas merangkumi masalah-masalah pokok, masalah dasar, masalah undang-undang, masalah ekonomi dan sebagainya tetapi perkara ini tidak diletak di bidang kuasa atau tidak dimasukkan dalam bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia Al Sultan. Ini adalah suatu perkara yang mencacatkan kewibawaan atau mencacatkan kedaulatan Al Sultan itu sendiri yang mana sepatutnya dia boleh bertindak di dalam bidang agama yang luas itu untuk melaksanakan amanah Allah s.w.t. di atas muka bumi ini. Kita sebagai pemimpin adalah menerima amanah daripada Allah s.w.t. dan amanah yang paling besar ialah:

حَفَظُوا دِينَهُمْ وَلَا يُنَاهِيَنَّ

Iaitu menjaga agama dan mentadbir dunia ini atau mentadbir negeri mengikut ajaran agama. Hal ini tidak diberi peluang kepada Duli Yang Maha Mulia Al Sultan, tidak diberi peluang oleh Perlembagaan atau pentafsiran yang sempit atau mengikut amalan yang dilakukan sekarang ini.

Jadi, oleh kerana itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara ini sama ada disedari ataupun tidak disedari adalah menganggu kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menjalankan tugas-tugasnya di dalam bidang kuasa agama yang begitu luas. Sebab itulah berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam negeri dimana Sultan yang menjadi Ketua Agamanya, banyak perkara-perkara yang dilakukan oleh pihak kerajaan sendiri yang bertentangan dengan ajaran agama Islam itu sendiri yang mana pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak dapat bertindak.

Jadi, oleh kerana itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tadi saya ada mendengar wakil daripada kerajaan dalam ucapannya membahaskan usul tergempar semasa Dewan ditangguh buat sebentar tadi bahawa disebut perkara-perkara judi, disebutkan perkara-perkara berkaitan dengan faedah rendah tinggi dan sebagainya. Perkara ini sebenarnya kalau sekiranya pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan diberi kuasa untuk mengadakan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan

29 September 1998

agama untuk mengharamkan judi apa jenis bentuknya, untuk mengharamkan riba apa jenis bentuknya itu adalah satu perkara yang sangat wajar diberi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sehingga negeri ini kita ini ditadbir mengikut agama, mengikut syariat yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Dalam ucapan Yang Berhormat Wakil Air Putih tadi, kononnya pemecatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana perselisihan dalam perkara rendah tinggi kadar faedah sahaja. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak nak campur hal dalaman, dalam kampung orang, dalam rumah orang, tidak mahu campur tetapi ini menunjukkan kuasa yang sempit diberi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan itu tidak dapat membentuk insan yang mengerti agamanya sendiri, sama ada riba itu walaupun sedikit, walaupun banyak dia tetap riba. Kalau orang mengajai agama dia baca satu ayat saja:

يَا أَيُّهُ الْأَنْبَاءِ إِذَا مَرَأَ الْمُؤْمِنَةَ وَنَرَى حَافِظَيْ
مَنْ أَرَبَّهُ كُنْتُ مُوْمِنَ

Allah s.w.t. kata: Wahai orang beriman bertakwalah kamu kepada Allah s.w.t. hendaklah kamu meninggal riba - Mabakia ... mabakia orang mengajai bahasa Arab, apa juga bentuk riba sedikit atau banyak, 5%, 10% atau berapa persen dia kena tinggal tu enkuntun mukminin kalau kamu beriman. Maknanya kalau dak tinggal riba tu keimanannya disyak, diragui.

Jadi, oleh sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat ada satu kes pertelingkahan di antara dua orang, satu orang tu dia bernazar. Dia kata kalau dia berjaya dia nak sembelih babi. Kemudian apa dia buat berjaya sungguh. Dia orang Islam bagaimana bernazar nak sembelih khinzir. Akhirnya selepas itu dia termenung, menangis kawan dia tanya: kenapa kamu susah hati sangat menangis? Dia kata: Aku ni bernazar kalau berjaya kerja aku nak sembelih khinzir, aku duduk fikir khinzir aku sembelih nak buat apa. Kawan ni nasihat dekat dia, dia kata: Kalau mu berasa susah sangat sembelih khinzir yang besar takut tidak habis makan atau bagi tak habis, cari yang kecil, anak khinzir pun tak apa. Itu cadangan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, anak khinzir ke, khinzir dia khinzir semua. Faedah sedikit pun, faedah - riba haram jugak. Inilah hasil daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak diberi kekuasaan yang lebih luas untuk dia mentadbir agama mengikut syariat Allah s.w.t. yang begitu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak diberi kuasa yang luas untuk mendidik rakyat dia supaya memahami Islam dengan cara yang betul khususnya dalam perkara taat yang saya sebutkan tadi. Taat kalau kita ikut pemimpin-pemimpin Islam yang dulu, kalau kita ambil Abu Bakar, Omar dan lain-lainnya masing-masing menyatakan:

مَنْ رَأَكَ فَبِمَا عَرَجَ جَاهِلَقَرَه

Siapa-siapa yang melihat apa yang aku buat atau terdapat daripada perlaku yang aku lakukan ni tidak betul maka hendak dibetulkan. Tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam keadaan yang saya nampak yang berlaku pada hari ini rakyat di bawah dalam negara kita ini, dalam negeri kita ini khusus Negeri Terengganu ini oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak diberi kuasa yang begitu luas untuk mendidik, mentadbir negeri mengikut agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t. maka kebanyakan rakyat negeri ini khususnya orang yang dikira pandai, yang bijak pandai ketaatannya kepada pemimpin mungkin tidak seperti mana yang dikhendaki oleh Islam. Kebanyakan melahirkan manusia-manusia

29 September 1998

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Yang Berhormat panjang sangat dah ni. Orang lain ada nak bercakap lagi ni.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tadigiliran kita tidak beri nampak dok hoh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seminit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Satu minit mana boleh, marilah tiga minit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua minit.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita kena bersikap adil sedikitlah walaupun ada *pre-council* jangan beri kepada pembangkang patut beri jugak ... tadi hak penting tak beri pasal apa, pasal dah buat *pre-council*. Jadi tak berani, tidak ada sikap ni, tidak ada pendirian. Inilah hasil daripada kuasa tadbir di bidang agama yang diberi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak begitu meluas dia melahirkan orang-orang ada kawan saya seorang dia bekerja dengan Kementerian Pendidikan. Dalam keadaan-keadaan tertentu dia ni nak dipindahkan kepada tempat yang lain. Jadi, dia ni kebetulannya, diberi pandangan apa begitu begini rayuan kepada pihak berkenaan dia tidak mahu juga. Pasal nama dia Mohamad bin Mohd Nor, akhirnya pihak yang berkenaan tu cadangan ubah nama kamu, ubah apa? Dia kata Mohamad bin Mohd Nor tu ubah kepada nama Mohamad bin Mohd Yes. Jadi kalau ubah kepada Mohd Yes, mungkin dia kata kita boleh timbang. Jadi oleh kerana dia sangat mahu kepada atau perasaan dia sangat cinta kepada apa yang dia mintak tu, dia bersedia ubah nama dia Mohamad bin Mohd Nor kepada Mohamad bin Mohd Yes. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau macam ini keadaan maka negara kita akan huru-hara pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita orang-orang Islam bagaimana disebutkan rakyat Saidina Omar Abdul Khattab r.a. ... rakyat Saidina Omar kata:

وَنَهْ لَوْ رِيْنَهْ مِنْتَ . مُرْحَبَا لَفَرْمَهْ
مِنْهْ لَهْ

Kalau kami tengokmu buat tidak betul kami betulkan kamu dengan pedang kami. Pegawai-pegawai nak ambil tindakan tapi Saidina Omar kata: Jangan ambil tindakan, itu rakyat kita yang bagus. Kita bimbang Dato' Yang Dipertua, kalau keadaan kuasa ... tidak diberi kuasa yang luas di bidang agama ni bimbang lahir pada masa akan datang macam rakyat Singapura. Hak cerita Singapura dilanggar todak. Ada budak kecil yang mencadangkan supaya cari batang pisang untuk tahan maka todak langgar, maka apabila terkena batang pisang tu mati todak-todak. Sepatutnya dia mendapat penghormatan daripada pemimpin, daripada pemerintah negara itu tetapi sebaliknya. Orang cerdik ni, budak cerdik diarahkan supaya membunuhnya. Ini hasil daripada kuasa yang terlalu sempit yang diberikan oleh undang-undang, oleh perlombagaan kepada Duli Yang Maha Mulia Al Sultan di dalam mentadbirkannya atau di bidang kuasa agama yang disilap tafsirkan.

29 September 1998

Jadi saya mengharapkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, daripada Dewan ini supaya Dewan ini menimbang dan mengkaji dari masa ke semasa supaya perkara yang disebut, perkara agama itu tidak disempitkan sebagaimana yang ditafsir dan diamalkan sekarang ini sehingga kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan itu dapat digunakan sepenuhnya untuk mendaulatkan syariat Allah s.w.t. di bumi Terengganu ini.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana beri saya bercakap ini. Wallahu alam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi yang lain nak bercakap? Sila -

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan yang dirahmati Allah. Saya juga mengambil kesempatan di dalam membahaskan ucapan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini untuk membawa beberapa kesedaran dan peringatan semoga institusi yang masih lagi berada bersama-sama dengan kita itu disempurnakan amanah ataupun tanggungjawabnya.

Dato' Yang Dipertua, Perlembagaan Malaysia dan juga Perlembagaan Negeri Terengganu telahpun memperuntukkan beberapa kedudukan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Antara peruntukan-peruntukan di dalam perlombagaannya ialah yang pertama Kebawah Duli sebagai sebahagian daripada kerajaan bermakna Kebawah Duli adalah Ketua Negeri. Tetapi Ketua Eksekutifnya di dalam *parliamentary democracy* dengan izin, berada kepada Ketua yang dipilih oleh rakyat. Yang kedua, Perlombagaan juga memperuntukkan Kebawah Duli adalah Ketua Agama dan sebagai Ketua Agama Dato' Yang Dipertua, adalah suatu beban dan pikulan amanah yang paling berat yang diletakkan ke atas Kebawah Duli.

Dalam perkara ini Dato' Yang Dipertua, ingin saya memperingatkan dan melanjutkan apa yang yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wakil Manir tadi, saya mengharapkan bahawa penasihat-penasihat yang diperuntukkan kepada Kebawah Duli hendaklah berlaku adil dan menjalankan nasihat kepada Kebawah Duli mengikut kaedah-kaedah Islam dan perundungan serta perlombagaan. Dato' Yang Dipertua, sebagai contoh - tidak terlaksananya syariat Islam di Negeri Terengganu dimanakah tanggungjawab itu hendak diletakkan? Kebawah Duli ataupun kepada kerajaan yang telah diamanahkan oleh rakyat dan diperuntukan oleh perlombagaan bagi mentadbir dan memerintah Negeri Terengganu ini. Di dalam masalah ini Dato' Yang Dipertua, bila hampir pilhan raya ataupun musim pilihan raya Imam-imam, Khatib-khatib diarah membaca khutbah:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ حَسَنَةٍ يُرَأَدْهَا وَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ سُوءٍ يُرَدْهَا

Di dalam pilihan raya kecil Bukit Payung, satu khutbah khas yang disebar, yang diedar untuk membaca ayat satni memberi peringatan kepada pengundi-pengundi - Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan pemimpin di kalangan kamu. Maka diulaskanlah 'pemimpin', 'pemimpin' ertiinya kata kerajaan yang memerintah

29 September 1998

inilah oleh itu kamu mestilah, wajiblah taat. Sedangkan Dato' Yang Dipertua, apa yang tidak dilaksanakan, melaksanakan syariat, meninggalkan aturan-aturan dan peraturan Allah s.w.t. menjadi amalan kepada kerajaan yang memerintah pada hari ini. Rakyat diperdayakan tanpa disedari dan dengan menggunakan nama Kebawah Duli sebagai Ketua Agama, disandarkan kepada Kebawah Duli. Inilah perbuatan yang paling zalim, amat zalim yang disandarkan kepada Kebawah Duli yang saya harap Kebawah Duli hendaklah mempunyai Penasihat-penasihat yang takut kepada Allah s.w.t.

Dato' Yang Dipertua, di dalam peristiwa lagi dengan izin saya baca di sini - Melihat keadaan demikian, rupa berlaku dalam masjid maka Encik Osman bin Awaug selaku Ketua Kampung Laut dan seorang Bilal di masjid ini yang mempunyai fahaman politik UMNO cuba berusaha mendapatkan seorang Imam tambahan yakni pengikut UMNO iaitu Ustaz Abdullah bin Khatib Osman bagi memberi tentangan yang difikirkan dapat mengalahkan dan sekaligus menghapuskan hasrat PAS untuk bertapak di masjid ini. Ini adalah surat Jabatan Hal Ehwal Agama rujukan Bil. (26) GPUK.00/88. Bayangkanlah Dato' Yang Dipertua, Imam di masjid ini dipecat semata-mata kerana hasrat politik. Oleh yang demikian, janganlah kita memperalatkan kedudukan institusi yang begitu mulia, yang begitu tinggi kerana kepentingan politik.

Dato' Yang Dipertua, tonggakan institusi beraja seperti mana yang dipertunukkan oleh perlumbagaan bukannya untuk menyokong parti politik yang mana, yang mana tapi ianya ada di situ kerana peruntukan perlumbagaan. Oleh yang demikian, Dato' Yang Dipertua, berlaku pemecatan Imam dan Bilal di Masjid di Kemasiik semata-mata Imam dan Bilal ini tidak sembahyang jenazah orang-orang UMNO. Cuba kita fikir Dato' Yang Dipertua, ini bukan perbuatan yang main-main, yang ditugaskan, yang ditanggungjawabkan ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dato' Yang Dipertua, di dalam krisis perlumbagaan 1991 saya tidak mahu lagi apa berlaku cakap tidak serupa bikin, dipersenda-sendakau institusi beraja itu kerana arahan daripada Pusat semata-mata untuk pada ketika itu ada krisis perlumbagaan. Cuba kita lihat, digambarkan di siarkan kononnya istana mengadakan pintu pagar yang mahal. Kalau kita nak ukur Dato' Yang Dipertua, orang biasa bukan kaya sangat pun mampu membina satu pintu pagar. Tetapi dicercakan, cara ianya dicercakan ketika itu. Dan begitulah Makam Di Raja di Ladang, dicercakan ketika itu kerana pembinaannya, kerana kesesuaian politik semasa. Jadi, oleh yang demikian, Dato' Yang Dipertua, saya haraplah UMNO yang menyatakan tonggak kerajaan janganlah memperalatkan institusi itu hanyalah semasa dan ketika mahukan kepada Raja semata-mata.

Dato' Yang Dipertua, saya masih ingat satu majlis tahlil di Istana Maziah rujukan: 5/88 12 Januari 1993. Pegawai-pegawai kerajaan takut nak pergi tahlil di istana pada ketika itu kerana krisis perlumbagaan. Cuba kita bayangkan, kenapa berlaku? I ni semata-mata lahir daripada suatu arahan Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1993, yang tidak mengizinkan Pegawai-pegawai kerajaan menghadiri mana-mana majlis yang dianjurkan oleh istana, yang menghalang pemberian-pemberian ke atas permintaan sampailah nak sewa khemah pun dimasukkan sebagai peraturan. Bolch tidak diizinkan jika sekiranya kehendak sendirian bukan rasmi. Dato' Yang Dipertua, ini melampau, ini keadaan yang melampau. Dan digembar-gemburkan di sini juga Dato' Yang Dipertua, dengan izin Dato' Yang Dipertua, daripada keseluruhan projek 11

29 September 1998

daripadanya dijalankan oleh Syarikat Sri Terukon yang didakwa kontraktor Di Raja. Dikaitkan kedudukan institusi kepada kontrak yang tidak direstui dan disukai pada ketika itu.

Dato' Yang Dipertua, keadaan-keadaan yang seumpama ini saya mengesyorkan kita hendaklah berhenti daripada menggunakan keadaan, mengambil kesempatan di atas institusi yang ada itu kerana institusi itu kita hormati dan kita sanjungi kerana ianya sebahagian daripada perlumbagaan kita lainlah jika sekiranya institusi tidak ada lagi. Tetapi selagi institusi itu ada, maka *due recognition* penghormatan yang sesuai dan wajar mestilah diberikan kepadanya dan janganlah Dato' Yang Dipertua, perkara-perkara yang seumpama kontrak Di Raja, pemberian kerana kontrak, pemberian balak dan sehingga ada ... saya haraplah supaya tidak dicemuhi oleh rakyat dan dibayangkan seolah-olehnya Raja ini bermiaga, Raja mencari kesempatan dan kepentingan seperti adanya sawmill, nama sinilah tapi kepentingan Raja tidak ada. Jadi, saya harap Dato' Yang Dipertua, perkara-perkara yang seumpama ini hendaklah juga kerajaan mempertimbangkan dan Raja sebagai Ketua Negeri tidak dilibatkan dengan perniagaan-perniagaan sendirian dan janganlah digambarkan bahawa Raja juga berkepentingan untuk mendapatkan kontrak dan sebagainya sedangkan semuanya itu dikehendaki dan diburu oleh mereka-mereka yang mahu mencari kesempatan dan mengambil kesempatan, keuntungan. Dato' Yang Dipertua, oleh yang demikian, perlulah diperingatkan juga supaya institusi beraja ini dihormati kerana ianya tidak akan terlihat, terlibat dengan perbuatan-perbuatan yang tidak sempurna di mata rakyat dan di mata umum.

Jadi, itulah Dato' Yang Dipertua, saya merasakan perkara-perkara yang penting di dalam perkara ini dan satu lagi yang akhir, saya terlupa tadi Dato' Yang Dipertua. Sebagai Raja dia juga walaupun tidak ada dalam perlumbagaan, tetapi apa yang dipanggil *inherent power* kuasa yang tersembunyi yang ada pada Raja sebagai Ketua Negara, Ketua Negeri. Misal kata di dalam perbuatan salah laku yang dituduh kepada bekas Timbalan Perdana Menteri UMNO baru-baru ini Dato' Yang Dipertua, bagaimana suatu pertuduhan kerana melihat tiba-tiba yang dilihat dihukum dulu sebelum yang melihat dihukum dan dibicarakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Batu Buruk

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Sepatutnya kuasa Raja menggunakan *inherent power*, Dato' Yang Dipertua dengan izin, bagi membetulkan keadaan di dalam menghukum sesuatu hukum, memutuskan sesuatu keputusan mestilah ada pembicaraan, mestilah ada prosedur-prosedur yang tertentu dan bukanlah pada satu malam kesemuanya beres dan orang yang dilihat kena hukum, orang yang melihat tidak dihukum sedang apa yang berlaku pada hari itu jelas bahawa dianya mengaku berlaku kerana ianya tidak dapat mengenepikan dirinya kerana ia adalah ketua kita. Jadi, kalau mengikut kaedah undang-undang dia panggil *qualified plea* maknanya pengakuan bersyarat, tidak boleh diterima dan tidak boleh dihukum, mestilah satu pembicaraan diarahkan supaya keadilan itu bukan saja dilaksanakan tetapi kelihatan dilaksanakan sebelum sesuatu hukuman dijalankan.

Sekianlah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Walaikum musalam warahmatullah. Sekarang saya menjemput wakil kerajaan buat jawapan.

29 September 1998

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAIH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mewakili pembawa usul Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, suka saya mengambil peluang menggulung untuk mengucapkan setinggi-tinggi kasih kepada wakil Yang Berhormat Manir dan Batu Buruk yang telah bercakap panjang dalam usul kita menyembahkan ucapan atau junjung tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya tidak bercadang menyebut balik apa yang disebut oleh kedua-duanya itu. Saya sekadar nak mengingatkan semula kepada kedua-dua Yang Berhormat bahawa kedudukan Raja Mutlak telah menjadi sejarah yang ada sekarang Raja berperlembagaan. Saya pun tidak sampai hati, tidak tergamak nak bersyarah hal ini seolah-oleh menidakkannya kearifan kedua-dua orang Wakil Rakyat, yang seorang daripadanya adalah seorang peguam yang terkenal di Kuala Terengganu ini, Dato' Yang Dipertua.

Apa yang dapat saya sarankan di sini, Dato' Yang Dipertua, barangkali molek apa yang disebut kedua-dua orang Yang Berhormat tadi dijadikan semacam platform oleh parti PAS dalam pilihan raya yang akan datang, mengembalikan kuasa-kuasa Raja seperti yang dikehendaki tadi. Saya ingat molek begitu. Barangkali dalam pentadbiran di Kelantan ditemui hal-hal yang senumpama ini menyebabkan Menteri Besar Kelantan tidak boleh bergerak, Dato' Yang Dipertua.

Hal-hal lain memang sengaja ditimbul-timbulkan semula dengan harapan ... saya tak tahu apakah harapan yang dikehendaki oleh kedua-dua orang Wakil Rakyat yang berucap tadi, mungkin barangkali mengharapkan supaya Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al Sultan yang baru naik takhta kerajaan tidak secocok dengan kerajaan atau dengan Menteri Besar. Kalau itulah yang diharap-harapkan, saya suka mengingatkan bahawa itulah satu harapan yang tidak baik, yang niatnya tidak baik, tidak seharusnya ada pada orang yang menggelarkan dirinya seorang pejuang Islam, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebutat suara.

USULINI DITERIMA.

29 September 1998

**PERSEMBAHAN ELAUN MENURUT FASAL 33(4) (BAB YANG KEDUA)
UNDANG-UNDANG BAGI KERAJAAN TERENGGANU**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bawaha menurut Fasal 33(4) (Bab Yang Kedua) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju dipersembahkan kepada Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Bariah, DK.,SSMT.,SPMT.,DK.(Sel) Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Al Haj, elaun sebanyak RM4,875.00 sebulan dan Yang Amat Mulia Sharifah Nong Asegaff, DK.,SSMT., RM2,437.50 sebulan berkuatkuasa mulai 14 Mei 1998."

Saya mohon mencadangkan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT (Wakil Pengkalan Berangan):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan,
sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila -

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, saya ingin bercakap sedikit saja, cuma saya mahu mendapat penjelasan kerana di sini tidak dihuraikan siapa dua *personality* ini atau dua penerima ini. Jadi, kalaulah kita mahu tanya pengesahannya, kenapa sepatutnya diberi kepada dua orang ini di atas kadar yang berbeza. Kalaulah ianya ada asas formula, peraturan kewangan maka silalah memberi penjelasan kaedah, formula kewangan itu.

Namun demikian, Dato' Yang Dipertua, ini adalah kelulusan Dewan dan peraturan ini dibuat oleh Dewan, ianya mengatasi mana-mana *circular* atau Pekeliling-Pekeling Kewangan dan sebagainya. Kenapa dibezakan? Kenapa kita tidak cari satu angka yang lebih sesuai yang akan menggambarkan kedudukan dan penghormatan kepada kedua-dua Kebawah Duli ini. Kita percaya dengan kadar kewangan, nilai wang yang turun 65%, Dato' Yang Dipertua, RM2,000 apalah sangat dalam keadaan kita berkemampuan. Ini tertakluk kepada formulanya. Dan Dato' Yang Dipertua, kalau RM5,000 seorang sama-sama angka yang bulat apa salahnya, kemampuan ada. Dan sejajar dengan kedudukan dan penghormatan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Saya rasa kalau dibiarkan Yang Berhormat Wakil Batu Buruk bercakap suatu perkara yang dia tidak tahu, dia akan bercakap perkara yang tidak ada kena mengena dan membuang masa kita saja, dan dia jadi berdosa Dato' Yang

29 September 1998

Dipertua. Ada peraturannya ni, cubalah baca - kedua-dua orangnya, saya rasa niunasabah pertanyaannya, kedua-dua orangnya itu ialah bahu kepada Almarhum Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Dato' Yang Dipertua.

Molek lagu ni pun, lagu tadi jugak Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Ialah Dato' Yang Dipertua, kalau

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Batu Buruk, menyanyi lagu yang sama Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Kenapa tidak dipertimbangkan sama, Dato' Yang Dipertua. Apakah alasannya kerana ini adalah kelulusan Dewan dan mengambil kira nilai mata wang yang begitu murah, dan kita berkemampuan, sebagai penghormatan kenapa tidak disama dan dibulatkan angka, sampai RM5.000 pun ada di hujung. Itu dia - 50 sen ada juga? Orang dak kira dah samas le ni. RM5.000 scorang kita lulus, saya cadangkan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, ada lagi? Tak lagi. Saya mintak wakil kerajaan menjawab kalau ada apa-apa lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak bercadang nak menjawab apa-apa saya rasa kalau Yang Berhormat yang berkenaan, barangkali datang bertanya kita boleh tunjukkan hal ini kita tidak payah bercakap panjang. Bila disebut ada sen begitu begini, itu menunjukkan ketepatan perkiraan kita mengikut formula yang tertentu, kita tidak buat pakai rambang, sesuka batu saja, Dato' Yang Dipertua.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

29 September 1998

**TAMBAHAN PERUNTUKAN YANG PERTAMA 1998
KUMPULAN WANG BEKALAN AIR**

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen 4 Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Bekalan Air untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri bagi tahun 1998 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:

JADUAL

<u>Maksud</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Tambahan</u>
P.33	<i>Jabatan Bekalan Air Terengganu</i>	<i>RM8,000,000.00</i>
	<i>JUMLAH:</i>	<i>RM8,000,000.00."</i>
		<i>=====</i>

Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon menyokong usul itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USULINI DITERIMA.

29 September 1998

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN BEKALAN AIR 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTRA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen berhubungan dengan bekalan air dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN DIRACA
BAGI KALI YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTRA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen berhubungan dengan Bekalan Air dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia bekalan air dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya. Apabila berknaikuasa ianya akan menggantikan Enakmen Bekalan Air 1951 No. 2 Tahun 1951 setakat mana ia terpakai bagi Negeri Terengganu.

Bahagian Pertama - memperkatakan perkara-perkara permulaan seperti takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang dan juga bagi memperuntukkan perisytiharan kawasan tадahan dan kawasan bekalan air sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 1 hingga Fasal 5.

Bahagian Kedua - memperkatakan perkara pelantikan Pegawai-pejawai Jabatan Bekalan Air Negeri Terengganu, khususnya pelantikan, fungsi dan kuasa Pengarah Bekalan Air sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 6 hingga Fasal 14.

29 September 1998

Bahagian Ketiga - mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan pelesenan sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 15 hingga Fasal 24.

Bahagian Keempat - memperkatakan bekalan air oleh pemegang lesen sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 25 hingga Fasal 36.

Bahagian Kelima - mengandungi peruntukan-peruntukan caj-caj air sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 37 hingga Fasal 48.

Bahagian Keenam - mengandungi peruntukan berhubungan dengan sekatan bekalan air sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 49 hingga Fasal 52.

Bahagian Ketujuh - mengandungi peruntukan-peruntukan kesalahan sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 53 hingga Fasal 60.

Bahagian Kelapan - mengandungi peruntukan-peruntukan Pelbagai sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 61 hingga 76.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT ENCIK LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN BEKALAN AIR 1998, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatkuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatkuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN BEKALAN AIR 1998
TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN
DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA
TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

29 September 1998

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telomong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersestui dengan baik pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabatan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersestui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN BEKALAN AIR 1998, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DIULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 2 Tahun 1998.

29 September 1998

ENAKMEN BEKALAN AIR (SYARIKAT PENGGANTI) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen Bekalan Air (Syarikat Pengganti) 1998, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN BEKALAN AIR (SYARIKAT PENGGANTI) 1998, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Enakmen Bekalan Air (Syarikat Pengganti) 1998, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Terengganu berkenaan dengan perkhidmatan bekalan air, pada suatu syarikat pengganti, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan.

2. *Fasal 1* mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan tarikh mula berkuasa manakala *Fasal 2* adalah berhubungan dengan tafsiran.

3. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa, pada tarikh perletakhakan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan disiarkan dalam *Warta*, segala harta, hak atau liabiliti Kerajaan Negeri berkenaan dengan perkhidmatan perbekalan air yang dinyatakan dalam perintah itu, hendaklah berpindah kepada dan terletakhak pada syarikat pengganti.

4. *Fasal 4* mengadakan peruntukan supaya sekuriti-sekuriti syarikat pengganti diterbitkan atau diumpukan kepada Perbadanan, iaitu Menteri Besar, Terengganu yang diperbadankan melalui Undang-Undang (Tubuh) Menteri Besar 1951 dan bagi apa-apa pelupusannya.

5. *Fasal 5* memberi kuasa kepada Menteri Besar untuk memperolehi sekuriti-sekuriti syarikat pengganti atau subsidiarinya atau hak untuk memohon beli sekuriti-sekuriti itu dan melupuskannya.

29 September 1998

6. *Fasal 6* memberi kuasa kepada Menteri Besar untuk melantik penama-penama untuk menjalankan fungsi-fungsinya.

7. *Fasal 7* mengadakan peruntukan bagi struktur kewangan syarikat pengganti.

8. *Fasal 8* mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan. Tiap-tiap orang yang diberi pilihan oleh Kerajaan Negeri dan yang memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAI (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN BEKALAN AIR (SYARIKAT PENGGANTI) 1998, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dafan Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN BEKALAN AIR (SYARIKAT PENGGANTI) 1998 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPIERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTRA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan Rang enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tiada pindaan. Saya mohon

29 September 1998

mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN BEKALAN AIR
(SYARIKAT PENGGANTI) 1998, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA
DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 3 Tahun 1998.

29 September 1998

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1998)(NO. 1) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Sebarang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama. Saya mohon mencadangkan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1998 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU. DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Sebarang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam Negeri dalam tahun 1998 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (1998) 1997 dimana butir-burir perincianya bolehlah diperhatikan oleh Dewan dalam buku yang disertakan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila -

29 September 1998

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pejawai Kerajaan yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.

Terlebih dahulu mengucapkan banyak terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk memberikan sedikit pandangan dalam perbahasan Enakmen Perbekalan Tambahan 1998. Walaupun dalam keadaan masa yang sangat terbatas dan saya kira Dato' Yang Dipertua sendiri perlulah melihat ini sebagai satu masalah yang serius oleh kerana kita perlu memberikan ruang masa yang secukupnya dalam satu-satu persidangan.

Saya cuma nak menumpukan perbahasan saya ini kepada perkara B. 32 - Pelbagai Perkhidmatan yang mana permohonan yang dimintaknya sebanyak RM8,800,000 iaitu bagi Bantuan Am sebanyak RM5,000,000 dan Pembangunan Sumber Manusia sebanyak RM8,800,000. Dalam perkara ini Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang menjadi peringatan kami pada persidangan-persidangan yang lepas bahawa kami sentiasa menyokong apa-apa saja perbelanjaan yang merupakan permohonan bagi kepentingan yang mendesak kepada rakyat, walaupun kita boleh meraikan perkara-perkara teknikal dari sudut pengurusan *budget* yang kurang teratur.

Yang keduanya, dalam permohonan yang dimintak ini agak umum sebenarnya walaupun ada diberi sedikit butiran yang mana ini memungkin penyalahgunaan asalnya tambah-tambah dekat dengan pilihan raya dan kerajaan sendiri mempunyai kuasa majoriti dalam Dewan ini.

Dan yang ketiganya, apa yang selalu kami tekankan ialah masalah perbelanjaan yang kita tidak menafikan kepentingannya tetapi persoalannya ialah persoalan sejauh manakah sasaran perbelanjaan ini betul-betul ditepati oleh pihak kerajaan. Ini sebenarnya sering kita kemukakan dan dalam suatu saya masih teringat lagi dalam satu persidangan besar dalam merumuskan ekonomi negara dahulu, dan kerajaan menujuhkan MAPEN, Majlis Perunding Ekonomi Negara pada tahun 1990, kita di antara lain menekankan aspek ini, walaupun aspek-aspek lain jugak merupakan satu perkara yang menjadi perbahasan tetapi aspek pelaksanaan kepada satu-satu perkara yang dirancang itu menjadi satu masalah iaitu perbelanjaan itu dari sudut perancangannya baik tetapi pelaksanaannya tidak sampai kepada sasaran dalam ertikata yang sebenarnya.

Jadi, dalam perkara ini kita merujuk yang pertamanya, iaitu bagi permohonan untuk Bantuan Am sebanyak RM5,000,000. Dalam menyambut kemerdekaan baru-baru ini kerajaan telah melaungkan satu slogan bahawa *Negara Kita Tanggungjawab Kita*. Itu merupakan satu slogan yang cukup menarik tetapi kita juga nak mengingatkan kepada pihak kerajaan bahawa slogan janganlah hanya ditujukan kepada rakyat. Kerajaan yang memerintah, mereka sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang lebih besar bagi memastikan keadilan itu dilaksanakan secara merata bukan suatu perkara yang sentiasa menjadi isu ataupun pertikaian di kalangan rakyat. Jadi, dalam permohonan ini berhubung dengan Bantuan ini tidak diperincikan dari sudut jenis bantuan. Mungkin bantuan itu untuk bantuan kemiskinan, baiki rumah, beli basikal dan seumpamanya. Saya tidak pasti, tetapi itulah ruang lingkupnya.

Tetapi sebagaimana yang kita sering menyebutkan di dalam Dewan ini bahawa pemberian ataupun perbelanjaan kepada Bantuan Am ini selain ataupun sering kali berlakunya ketidakadilan dalam pemberian bantuan kepada golongan-golongan sasaran, sama ada atas pertimbangan campur tangan politik ataupun yang dibusungkar dengan soal perbezaan parti. Mungkin pihak kerajaan selalu mengatakan kami daripada pihak pembangkang ini selalu mengada-ngadakan cerita, mereka-rekakan cerita walaupun kami boleh membuktikan perkara-perkara yang disebutkan sebagai ketidakadilan itu benar-benar berlaku. Maka oleh kerana itu pada hari ini di atas meja kita, dalam fail kita telah didedahkan dengan suatu laporan yang cukup jelas, berterus terang datipada Ketua Audit Negara sendiri, daripada mula surat 12 hingga muka surat 16 bagaimana berlakunya ketidakadilan dalam soal pemberian kepada golongan rakyat. Walaupun kerajaan ada memberikan kriteria-kriteria ataupun ciri-ciri kepada golongan-golongan yang perlu yang layak diberikan bantuan, umpannya dalam masalah yang berkait dengan golongan miskin ini dengan ciri-ciri yang disebutkan di sini, sebagai satu contoh - berhubung dengan bantuan membaiki rumah. Ada disebutkan di sini antaranya tidak mempunyai lagi, rumah yang diduduki sudah usia, tetapi apa yang berlaku pelaksanaannya tidak sebagaimana yang dirancang ataupun disebutkan dalam gatisan panduan. Maka oleh kerana itu dalam penemuan Audit di sini disebutkan maklumat peribadi dan pendapat pemohon tidak ditapis dan disahkan kesahihananya ia semata-mata bergantung kepada perakuan Ketua Kampung atau Penghulu, atau JKKK dan scumpamanya.

Jadi, dalam laporan ini ada disebutkan bagaimana berlakunya di Kampung Saujana. Setiul bantuan sebanyak RM7,000 bagi menditik rumah didapati telah mempunyai rumah selesa dan bantuan tersebut telah digunakan bagi membangun satu lagi rumah, kini rumah asal milik individu itu telah disewakan sebagai sumber menambahkan pendapatan - satu kes. Kita ambil satu kes lagi yang kedua umpannya, seorang ketua keluarga di Kampung Betara, Kuala Terengganu yang menerima bantuan sebanyak RM2,500 bagi membaiki telah berbelanja RM8,000 semata-mata bagi membesarkan dapur rumahnya. Dan ada lagi perkara-perkara yang lain, yang lengkap dengan gambarnya sekali sedang dalam kes yang lain disebutkan bagaimana berlakunya mereka yang benar-benar layak, yang merupakan rakyat termiskin dengan pendapatan RM80,00 di Kampung Masjid Haji Kadir dengan keadaan rumah yang semacam bangsal kambing tidak mendapat sebarang bantuan. Ini kita sebutkan sebagai contoh-contoh kes yang perlu diberikan perhatian yang sungguh-sungguh oleh pihak kerajaan. Dengan saya tidak menafikan bahawa kerajaan ada melakukan bantuan ataupun soal bantuan yang betul-betul menetapi kepada sasarnanya ada, tetapi kes-kes yang seumpama ini yang kita berikan sebagai satu contoh sana ada Laporan Ketua Audit Negara ataupun yang sering kali kita kemukakan dalam sidang Dewan ini perlulah diberikan perhatian sungguh-sungguh supaya mereka yang benar-benar miskin tidak menjadi mangsa kezaliman, mangsa ketidakadilan oleh kerana perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Jadi dalam perkara ini, yang kita hendak iakab supaya pihak kerajaan, biarlah dia tiru sifat Tuhanlah sedikit walaupun Allah s.w.t. hamba tu ada yang taat, ada yang derhaka pada Dia tetapi dari segi rezeki, dari segi sifat kasih dan penyayangNya, dia tidak membeza-bezakan di kalangan hambaNya.

Dato' Yang Dipertua, maka oleh kerana itu dalam soal bantuan yang diberikan kepada pihak rakyat, saya nak memberikan beberapa cadangan sebagaimana juga yang disebutkan oleh

Laporan Ketua Audit Negara supaya penerima bantuan sekarang perlu ditapis semula terutama yang berlegar di sekeliling JKKK, supaya mereka-mereka yang menerima bantuan itu dikaji semula, yang layak kita bagilah tak kira dia dekat ataupun jauh pada JKKK, tak kira dia dari parti mana bagilah. Tetapi kita tidak hendak berlaku mereka yang tidak layak tambah-tambah zaman kegawatan sekarang ini kita cuba berhemah dari sudut perbelanjaan, orang yang tidak layak masih mendapat bantuan, orang yang layak yang patut diberikan perhatian tidak mendapat bantuan sewajarnya sebagaimana yang telah diberi contoh tadi. Jadi, sekarang ni kita tidak berapa percaya dengan pegawai kita. Pegawai kita rekomend kepada pihak yang berkenaan senarai orang yang layak, ada di antaranya kita tolak. Yang tidak direkomend oleh pegawai-pegawai kita itu jugak yang kita terima oleh kerana ini akan boleh mengukuhkan kekuatan politik kita.

Dato' Yang Dipertua, yang keduanya masa yang diambil untuk satu-satu kelulusan biarlah cepat dan jugak cekap. Kita tidak nak berlaku lagi dalam kes-kes yang lepas, kecuali ada tindakan-tindakan terbaru, kadang-kadang empat lima bulan tidak tahu benda lagi sama ada orang ini dapat perhatian ataupun tidak oleh kerana masa yang diambilnya terlalu lama. Kadang-kadang kalau kita tanya pihak Jawatankuasa yang berkenaan, yang menguruskan soal kelulusan ini, nak pergi *check* sendiri, ini orang politik yang kadang-kadang kita tahu kesibukan sepatutnya diberikan kepercayaan kepada pegawai-pegawai dia. Begikut jugak dalam kes-kes yang diluluskan, orang yang telah diluluskan dari sudut bantuannya, umpamanya kes baiki rumah, rumah yang terlalu uzur memerlukan pembelaan dan seumpamanya berlaku kadang-kadang ini bukan saya reka ceritalah, dalam kawasan saya dua tiga bulan yang dah lulus tapi masih lagi mengambil masa yang panjang semata-mata nak tunggu orang politik sendiri secara rasmi turun. Kawasan saya, Alhamdulillah ada bantuan daripada Penyelaras DUN Alur Limbat, dia banyak tolonglah kerja-kerja saya. Tapi kita tidak nak berlaku oleh kerana nak tolong dia, dia terlalu sibuk kadang-kadang mengambil masa yang terlalu panjang untuk perjalanan di atas kes-kes yang terlalu mendesak.

Dato' Yang Dipertua, maka oleh kerana itulah kita merasakan soal bantuan kepada mereka-mereka yang benar-benar layak ini mestilah diberikan perhatian sungguh-sungguh dan kita sentiasa meletakkan soal keadilan itu sebagai suatu keutamaan. Kita yakin dan percaya bahawa kalau kita benar-benar meletakkan soal keadilan ini maka berlaku kita boleh mengambil suatu pengajaran bagaimana dalam pemerintahan zaman Khalifah Umu Abdul Aziz umpanianya, yang zaman sebelum dia tu menghadapi masalah ekonomi, masalah sosial dan seumpamanya tetapi apabila diberikan perhatian soal keadilan rakyat ini akhirnya ekonomi menjadi subur, ekonomi menjadi lebih baik dan rakyat hidup dalam keadaan sejahtera oleh kerana soal keadilan itu merupakan perkara yang sentiasa diutamakan.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua ialah berhubung dengan permohonan untuk Pembangunan Sumber Manusia dimintak sebanyak RM3,800,000. Saya merasakan ini jugak merupakan satu perbelanjaan yang cukup penting walaupun tidak disebutkan secara khusus apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang terlibat. Tapi kita yakin bahawa apabila merujuk soal pembangunan sumber manusia ini biasa dihubungkan komponen utamanya ialah untuk tujuan pendidikan, latihan dan jugak kemahiran. Di negeri kita ini, kita sudah ada satu wawasan - Wawasan SIHAT yang sentiasa didendangkan di negeri kita ini yang mana kalau mengikut dari sudut slogannya memanglah wawasan ini baik, untuk melahirkan masyarakat yang sihat, yang bertakwa, yang

29 September 1998

beriman dan seumpamanya. tetapi dalam masa yang sama kita tidak dapat menolak hakikat bahawa masalah gejala sosial, masalah keruntuhan akhlak, masalah-masalah yang dihubungkan dengan nilai moral di negeri kita ini, kes-kes jenayah seumpamanya semakin meningkat, sebagaimana telah kita bincangkan pada sebelah pagi tadi sama ada yang melibatkan soal dades, soal keruntuhan akhlak, soal khalwat, soal zina - saya tak pastilah zina ini, barangkali ?pusat dia lebih advance cukup dengan saksi dan seumpamanya.

Dalam soal pembangunan sumber manusia ini, Dato' Yang Dipertua, satu perkara yang tidak dapat tidak perlu kita berikan sebagai perhatian, sebagai asasnya ialah soal pembangunan insan yang mana kalan kita katakan pembangunan sumber manusia itu hanya dilibatkan soal-soal kemahiran, soal-soal pendidikan dari sudut latihan semata-mata tetapi orang itu tidak dibangunkan dia akan menjadi suatu masalah yang besar. Maka oleh kerana itulah kita merasakan sudah sampai masanya kita memberikan perhatian yang sungguh-sungguh dan kita tidak menafikan kerajaan ada memberikan perhatian tetapi belum sampai kepada peringkat yang lebih serius termasuklah dari sudut falsafah pendidikan kita sendiri untuk melahirkan manusia yang benar-benar tahan uji, yang benar-benar boleh bertahan dengan masalah-masalah cabaran gejala sosial yang kita hadapi sekarang ini. Mungkin kita katakan falsafah pendidikan di negeri kita ini, di negara kita umumnya tidak dapat melahirkan apa yang disebutkan oleh Allah s.w.t.:

وَالْمُؤْمِنُونَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Wahai orang-orang beriman jagaiah dirimu dan dan jugak ahli-ahli keluargamu daripada azab neraka. Kita tidak dapat melahirkan dalam negara kita ini, dalam negeri kita ini warganegara yang benar-benar soleh. Mungkin kita boleh melahirkan warganegara yang baik, yang bolch profesionalismnya dan seumpamanya tetapi dalam masa yang sama kita didekah bagaimana orang-orang mempunyai pendidikan ini jugak merupakan di antara kes-kes yang banyak terlibat ialah apa yang disebutkan *jenayah kolar putih*, iaitu orang yang mendapat pendidikan yang baik, orang-orang yang di peringkat profesional, orang-orang yang mendapat latihan, pendidikan yang baik tetapi mereka ini jugak golongan yang banyak terlibat dalam kes-kes penyelewengan, kes-kes rasuah, penyalahgunaan kuasa dan seumpamanya.

Maka oleh kerana itulah kita mengharapkan soal pembangunan sumber manusia dan menjadikan pembangunan insan itu sebagai asasnya merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian sungguh-sungguh. Apakah lagi kita nampak sekarang ini

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN AI I (Wakil Alur Limbat);, Perdana Menteri kita nampak lebih serius untuk melihat masyarakat dipimpin oleh orang-orang yang mempunyai moral yang tinggi, orang-orang yang mempunyai kepimpinan akhlak yang baik tetapi kita mengharapkan, bialah kita bercakap jangan sampai kita bereacakap tidak serupa bikin, ada *double standard* dari sudut bercakap kitanya daripada satu sudut tetapi dari sudut yang lain, dalam soal umumnya menangani masalah kepincangan di kalangan kepimpinan di sekelilingnya ada perbezaannya. Maka oleh kerana itu Dato' Yang Dipertua, seal

29 September 1998

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Nak habis dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Akhir dah ni.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Oleh kerana itu Dato' Yang Dipertua, soalnya apakah ciri-ciri moral ataupun dengan lain perkataan kayu ukurnya yang kita gunakan dalam meletakkan nilai moral apabila kita bercakap berkenaan dengan pembangunan sumber manusia ini. Jangan kita hanya bercakap dalam konteks melaksanakan kerja-kerja Islam di masjid, kemudian kepimpinan yang sama jugak menganjurkan dan mengizinkan perkara-perkara yang tidak sihat, masih menganjurkan premis judi umpamanya, main pantai mempunyai program-program maksiat, menghidupkan budaya dan tarian yang melalaikan dan seumpamanya. Jadi, saya sebutkan semua ini Dato' Yang Dipertua ialah semata-mata kerana sekarang ini sebenarnya masyarakat terlalu dahagakan kepimpinan yang bermoral, terlalu dahagakan suasana yang lebih soleh, suasana yang lebih sihat dalam masyarakat kita dengan tidak hanya kita bercakap tetapi pada masa yang sama dari sudut kepimpinan umpamanya kita tidak terlibat menganjurkan perkara-perkara, program-program yang boleh melalaikan rakyat kita dalam kita bercakap soal moral, akhlak dan seumpamanya.

Terima kasih, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1998 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1998 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN

29 September 1998

WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1998 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIRACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 4 tahun 1998.

29 September 1998

**ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU
(PINDAAN) 1998**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG
MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Melayu 1360, supaya UDA-Murni Development Sdn. Bhd. menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindah milik, digadai atau disewa.

Saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG
MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

29 September 1998

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 5 Tahun 1998.

29 September 1998

TANGGUHAN

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada satu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan terima kasih.

DEWAN DITANGGUILIKAN PADA PUKUL 1.10 PETANG.

